

**PERANG NANING
(1831-1832)**

**O
L
E
H**

ZAHARAH BT. ISMAIL

**LATIHAN ILMIAH
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN**

**"KESELURUHAN LATIHAN ILMIAH INI DITULIS
DENGAN PERKATAAN SAYA SENDIRI, KECUALI
NUKILAN-NUKILAN YANG MANA TELAH
SAYA AKUI TIAP TIAP SATUNYA"**

**JABATAN SEJARAH
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
SESI 1982/1983**

Diabadikan Istimewa untuk :

Bapa dan Emak

Yang sentiasa menunggu dan mendoakan
Kejayaanku.

Abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik

Yang memberi perangsang
Dorongan dan Semangat.

Anak-anak saudara

Yang tersayang

Handai Taulan

Yang memberi kegembiraan
Dan Sumber Ilham.

Kandungan

Halaman

Sinopsis		i
Senarai Kependekan		iv
Ucapan Penghargaan		v
Pendahuluan		vii
Bab I	Latarbelakang Wilayah Naning	1
	Sejarah Asal Usul Naning	4
	Latarbelakang Masyarakat Naning	11
	Pentadbiran di Naning	28
Bab II	Sebab-sebab berlakunya Perang Naning 1831-1832	38
Bab III	Proses Perang Naning	
	Punca Peperangan	69
	Persediaan mengadakan peperangan	73
	Serangan Pasukan Kompeni Inggeris ke atas Naning di peringkat pertama	80
	Serangan peringkat kedua	94
	Pembelotan Sayyid Syaaban dan Kejatuhan Naning di tangan pihak kompeni Inggeris	105
Bab IV	Implikasi dari peristiwa Perang Naning	112
	Tindakan pihak kompeni Inggeris selepas mereka berjaya menguasai Naning	114
	Kedudukan dan kewibawaan Datuk Naning dihapuskan	120
	Lahirnya Dualisma Pentadbiran	123
	Kesan dari segi Ekonomi	130
	Kedudukan Penghulu Naning selepas Datuk Dol Said	137
	Campurtangan Inggeris di dalam soal perlantikan Datuk Naning	142
	Kedudukan Raja Ali Rembau dan Sayyid Syaaban selepas berjaya memberi bantuan kepada pasukan kompeni Inggeris	144
Bab V	Kesimpulan	149

Bibliografi	..	..	..	171
Sumber Lisan	..	..	..	177
Senarai Responden	..	..	..	179
Senarai Lampiran				
Lampiran A	:	Mukim-mukim Yang Termasuk Di dalam Daerah Alor Gajah dan Wilayah Adat Perpatih Naning		182
Lampiran B	:	Sejarah Ringkas Adat Perpatih Naning		184
Lampiran C	:	Isi kandungan Perjanjian Di Antara Aldwell Taylor dengan Penghulu Datuk Dol Said		192
Lampiran D	:	Tawaran Penangkapan Datuk Dol Said dan Empat Orang Pengikut-pengikutnya		197
Lampiran E	:	Tawaran Penangkapan Datuk Dol Said		199
Lampiran F	:	Pengistiharan Supaya Sungai-Sungai Linggi, Kesang dan Muar ditutup kepada semua lalu lintas		202
Lampiran G	:	Peta ; Sempadan Wilayah Naning		203
Lampiran H	:	Surat Dari Pegawai Daerah Alor Gajah		206
Lampiran I	:	Surat Residen Konsular Melaka Kepada Munshi untuk mendapatkan maklumat tentang Adat Orang Melayu Naning		207
Lampiran J	:	Senarai Waris keturunan Datuk Naning sejak dari Datuk Dol Said		208
Lampiran K	:	Surat William Lewis kepada Penghulu Naning bertarikh 8/8/1831		
Lampiran L	:	Senarai Nama Datuk-Datuk Naning dari zaman pemerintahan Belanda di Melaka		213

SINOPSIS

Kira-kira seratus lima puluh tahun lalu, orang-orang Melayu Naning telah melakukan satu penentangan terhadap pemerintah Inggeris di Melaka. Gerakan ini memperlihatkan sikap anti-kolonialisma telah mulai diperjuangkan oleh orang-orang Melayu. Justru itu kajian ilmiah ini akan memberikan perhatian kepada peristiwa Perang Naning tersebut. Penulis tidak setakat menumpukan perhatian kepada peristiwa tersebut, malahan juga akan menunjukkan faktor-faktor kepada terdorongnya peristiwa peperangan di antara orang Naning dengan penjajah di Melaka. Bagi penulis, latar belakang wilayah Naning penting untuk dipaparkan kerana ia dapat menggambarkan sifat masyarakat Naning itu sendiri. Amalan Adat Perpatih dapat mengikat mereka bersatu menentang Inggeris, kerana hidup bersuku dapat melahirkan rasa cinta kepada suku, bangsa, agama dan negara. Mereka amat sensitif pada perkara yang melibatkan hidup dan kehidupan mereka. Lantaran itu mudah untuk menggerakkan mereka kepada satu tujuan yang sama.

Kehadiran Datuk Dol Said sebagai pemimpin yang berpengaruh di dalam masyarakat ini juga penting untuk menggerakkan satu penentangan. Kemasukan Inggeris di Melaka telah menimbulkan kekeliruan tentang kedudukan wilayah Naning samaada sebuah wilayah yang bebas atau dinaungi oleh Inggeris. Kedudukan Datuk Dol Said juga mulai tercabar apabila kompeni Inggeris mendakwa Naning adalah hak Melaka. Ini adalah berdasarkan perjanjian di antara orang-orang Naning dengan pemerintah Belanda di Melaka pada tahun 1643. Oleh itu kompeni Inggeris cuba menguasai wilayah

tersebut. Mereka memaksa orang-orang Naning membayar cukai 10% dari tanaman padi tahunan ke Melaka, cukai ke atas barang dagangan dengan kadar yang tinggi. Kemudian diperkenalkan pula sistem cukai ke atas tanah-orang-orang Naning, sedangkan orang-orang Naning tidak mengakui Naning hak pentadbir Inggeris di Melaka. Langkah ini dianggap sebagai satu pencerobohan kepada tanah adat di Naning. Tindakan Inggeris memecat jawatan Datuk Dol Said merupakan punca penting ujudnya Perang Naning 1831-1832 berikutan dari cabaran Datuk Dol Said terhadap Inggeris menuntut tanah milik Encik Surin sebagai haknya.

Latihan Ilmiah ini juga akan menggambarkan perjalanan peperangan itu sendiri. Ianya termasuklah strategi serta gerakan pasukan kompeni Inggeris dari Melaka hingga mereka ditewaskan di dalam peperangan peringkat pertama. Di peringkat keduanya pula strategi Inggeris lebih kemas dan lengkap lagi. Mereka cuba mendapatkan pengaruh dari golongan yang memberi bantuan kepada Naning sebelumnya disamping mengeluarkan tawaran penangkapan Datuk Dol Said. Penulis juga akan menggambarkan langkah-langkah Datuk Dol Said dan pengikut-pengikutnya menentang pasukan Inggeris sehinggalah mereka tewas di tangan pasukan Inggeris yang jauh lebih besar dari angkatan mereka.

Seterusnya akan dijelaskan pula implikasi peristiwa Perang Naning terhadap masyarakat itu sendiri. Ini adalah penting kerana peristiwa tersebut merupakan titik tolak kepada perubahan yang berlaku di Naning selepas itu. Perubahan di bidang pentadbiran, melahirkan jawatan-jawatan baru . Perlantikan Penghulu Mukim, Demang,

Pegawai Daerah telah mengurangkan peranan dan pengaruh Datuk Naning, cara perlantikan Penghulu Naning tidak lagi sepenuhnya mengikut peraturan adat dan melahirkan beberapa elemen baru di dalam sistem perlantikan tersebut. Selain dari itu, setelah Struktur Pentadbiran Adat dihapuskan, Inggeris terpaksa menghidupkannya semula kerana sistem pentadbiran Naning tidak boleh dipisahkan dari pengaruh adat dan Ugama Islam. Menifestasi politik membawa perkembangan yang baik dari segi perekonomian di Naning. Ianya menggalakan sektor pertanian diusahakan dengan lebih giat.

Di akhir perbincangan, akan dibuatkan satu penilaian menyeluruh tentang Perang Naning. Perbandingan akan dibuat dengan gerakan anti-British selepasnya yang menerima inspirasi dari peristiwa peperangan tersebut. Selain dari itu faktor perpaduan amat penting di dalam satu-satu perjuangan di mana dengan perpaduan dan bantuan Sayyid Syaaban orang-orang Naning berjaya di tahap pertamanya. Namun demikian dengan adanya sikap kepentingan diri sendiri melebihi dari maruah bangsa menyebabkan otonomi wilayah Naning dikorbankan apabila Sayyid Syaaban belot dari perjuangan orang-orang Melayu sendiri.

SENARAI KEPENDEKAN KATA

D.B.P	=	Dewan Bahasa dan Pustaka
JIAEA	=	Journal of Indian Archipelago and Eastern Asia
JMBRAS	=	Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
JSBRAS	=	Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society
S.S.R.	=	Straits Settlement Records
Vol.	=	Volume

UCAPAN PENGHARGAAN

Bismillah Hirrahanirrahim

Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat Penyang.
Alhamdullillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan
limpah taufik dan hidayahNya, dapat jua kiranya penulis menyiapkan
Latihan Ilmiah ini.

Dalam usaha menjayakan Latihan Ilmiah ini, penulis
sangat terhutang budi kepada individu-individu dan pihak-pihak
tertentu yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama yang amat
berharga.

Terlebih dahulu penulis mengucapkan jutaan terima kasih
kepada Dr. Khasnor Johan, Ketua Jabatan Sejarah kerana mengizinkan
penulis mengikuti pengajian di bidang Sejarah dan menerima tajuk
Latihan Ilmiah ini.

Penulis juga merasa amat terhutang budi kepada Encik
Nadzan Harun selaku penyelia penulis selama Latihan Ilmiah ini di-
usahakan. Di sini penulis mengukirkan ucapan terima kasih yang tidak
terhingga kepada beliau yang telah memeriksa deraf-deraf Latihan
Ilmiah ini dengan teliti dan memberi tunjukajar dan teguran yang
membina dan sangat berguna. Bimbingan dan nasihat beliau telah men-
dorong menyiapkan penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada semua kaki-
tangan di Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Arkib

Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka ; serta lain-lain pihak yang telah memberi bantuan dan kerjasama kepada penulis untuk mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan.

Untuk keluarga penulis sendiri, penghargaan yang tidak terhingga dikalungkan kerana dorongan dan bantuan mereka yang telah memberi perangsang kepada penulis meneruskan pengajian dengan tabah.

Akhirnya penulis mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan dan kenalan yang telah memberikan sebarang bentuk bantuan dan sumbangan kepada penulis dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Wassalam

Sungai Udang,
Melaka.

Zaharah Ismail
K6M-203, Komsis B,
Sessi 1982/83,
10 March, 1983.

PENDAHULUAN

Sejarah perjuangan orang-orang Melayu telah sering kali menjadi tumpuan kajian dan penilaian yang telah dibuat oleh ahli-ahli sejarah maupun oleh ahli-ahli sosiologi. Walaupun minat dan bidang kajian mereka berbeza, namun demikian kes pengkajian mereka adalah sama iaitu untuk melihat bagaimana satu-satu peristiwa itu berlaku. Peristiwa perjuangan orang-orang Melayu yang sering mendapat perhatian ialah peristiwa-peristiwa yang berlaku pada pertengahan kurun ke sembilan belas sehinggalah kepada perjuangan orang-orang Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajahan British. Umpamanya di dalam tulisan Jang Aisjah Muttalib, beliau telah membuat satu pengkajian yang terperinci tentang peristiwa Pemberontakan Datuk Bahaman di Pahang yang berlaku pada tahun 1891 hingga 1895. Begitu juga halnya dengan peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch, telah ditinjau semula oleh Abdullah Zakaria Ghazali di dalam usaha beliau untuk mengkaji tentang pembunuh sebenar Residen Perak yang pertama itu. Menyentuh tentang peristiwa Perang Naning pula, didapati banyak juga tumpuan yang telah diberikan kepadanya, walaupun ianya telah berlalu

¹Jang Aisjah Muttalib, merupakan pelajar dari Indonesia yang menuntut di Universiti Malaya telah menulis sebuah tesis yang bertajuk Pemberontakan Pahang 1891-1895 untuk mendapatkan Ijazah Sarjananya.

²Abdullah Zakaria Ghazali, 'Pembunuh J.W.W. Birch: Suatu kajian tentang Pembunuhnya' dalam JEBAT, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979/1980.

kira-kira seratus lima puluh satu tahun yang lalu. Di dalam
 3
 usaha ini didapati disamping orientalis barat, penulis-penulis
 tempatan juga telah menumpukan minat mereka terhadap peristiwa
 perjuangan Datuk Dol Said dan orang-orang Melayu Naning ini.
 Umpamanya Abdullah Zakaria Ghazali telah menulis tentang sejarah
 Perang Naning ini dengan begitu terperinci di dalam artikelnya
 yang bertajuk 'Perjuangan Orang-orang Melayu Naning menentang
 4
 Inggeris 1831-1832'. Selain dari itu beliau juga ada menyentuh
 tentang sejarah Perang Naning ini didalam beberapa artikel lain
 yang ditulisnya dengan tajuk 'Penghulu Dol Said' dalam buku
 Melaka dan Sejarahnya serta di dalam artikelnya yang bertajuk
 'Kebangkitan -Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah
 Melayu' yang diterbitkan di dalam buku Malaysia: Sejarah dan
 Proses Pembangunan.

Walaupun terdapat banyak tulisan-tulisan tentang sejarah
 Perang Naning ini dibuat, namun didapati tumpuan hanya dibuat
 terhadap peristiwa atau proses peperangan itu sendiri. Umpamanya
 P.J. Begbie dan Abdullah Zakaria Ghazali begitu teliti didalam
 usahanya menggariskan serangan-serangan di dalam peperangan ter-
 sebut. Mereka telah memberikan satu gambaran yang menyeluruh

³Di antara yang berminat ialah seperti P.J. Begbie, The Malay Peninsula (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967); L.A. Mills, British Malaya 1824-1867 (Kuala Lumpur: Oxford Univ. Press, 1969); T.J. Newbold, British Settlement In The Straits of Malacca, Vol. II (Kuala Lumpur: Oxford Univ. Press, 1971)

⁴Abdullah Zakaria Ghazali, Perjuangan Orang-orang Melayu Naning menentang Inggeris 1831-1832, dalam Jurnal Sejarah Jilid XV, 1977/78, Universiti Malaya, Kuala Lumpur,

tentang peperangan tersebut dari tahap awal pasukan kompeni Inggeris bergerak ke Naning sehinggalah kepada kemenangan orang-orang Naning di dalam peperangan peringkat pertamanya. Kemudiannya dihuraikan juga bagaimana orang-orang Naning dapat juga ditewaskan oleh pasukan kompeni Inggeris di peringkat ke duanya pula. Di dalam usaha ini agak kurang penulis-penulis yang cuba mengaitkan di antara ciri-ciri masyarakat Naning itu sendiri dengan peristiwa peperangan tersebut serta kesan-kesan yang berlaku akibat dari menifestasi politik di dalam sistem pentadbiran di Naning.

Walaupun kedapatan tulisan-tulisan sebelum ini yang ada menyentuh tentang sistem atau struktur sosial, politik dan ekonomi yang terdapat di Naning, namun demikian tidak ada yang cuba mengaitkan di antara aspek-aspek tersebut dengan peristiwa Perang Naning 1831-1832. Umpamanya Abdullah Zakaria Ghazali agak kurang sekali mengaitkan antara unsur-unsur yang terdapat di dalam masyarakat Adat Naning. Sedangkan sebagaimana yang kita ketahui bahawa masyarakat Adat di Naning seperti juga di dalam masyarakat adat lainnya merupakan masyarakat yang unik sifatnya, hidup bersuku-suku dan saling bantu membantu dapat mengujudkan kepaduan di dalam masyarakat tersebut. Oleh itu bagi penulis, pengkaji-pengkaji dari disiplin sejarah seharusnya tidak melupakan terhadap bidang-bidang sosial lainnya kerana seringkali wujudnya hubungan yang bertimbal balik di antara peristiwa tersebut dengan latar belakang masyarakat itu sendiri.

Selain dari itu bersesuaian dengan tujuan penulisan sejarah hari ini yang cuba mendapatkan satu penulisan sejarah tanahair kita dari sudut pandangan tempatan, maka bagi penulis, ianya perlu juga dilakukan di dalam usaha menulis tentang peristiwa Perang Naning ini. Andainya T.J. Newbold, P.J. Begbie, L.A. Mills dan lain-lainnya telah melihat peristiwa tersebut dari sudut pandangan orang-orang barat maka kita harus pula mendapatkan sumber-sumber tempatan bagi mendapatkan perimbangan untuk memperolehi satu ketepatan di dalam penulisan sejarah itu sendiri. Ini bersesuaian dengan definasi sejarah itu sendiri sepertimana menurut E.H. Carr iaitu sebagai suatu proses perhubungan yang tidak putus-putus di antara ahli-ahli sejarah dengan bahan-bahannya suatu dialog yang tidak putus-putus di antara zaman sekarang dengan masa yang telah lalu.

Sehubungan dengan ini juga bagi penulis, penulisan sejarah yang berbentuk peristiwa satu-satu gerakan yang dilakukan oleh pejuang-pejuang Melayu terhadap penjajah ini perlu diketengahkan semula. Dengan cara ini kita bukan sahaja dapat memberikan satu kemegahan kepada kita malah dapat menunjukkan kepada dunia bahawa orang-orang Melayu semangannya mempunyai semangat perjuangan yang tinggi. Justru itu langkah ini dapat menghapuskan kenyataan bahawa 'Melayu' itu layu' atau dari pengertian Melayu itu sendiri yang bermaksud 'lari'.

Lantaran kerana itu maka penulisan ini merupakan satu percubaan, penelitian dan penilaian semula tentang sejarah peristiwa Perang Naning yang berlaku pada tahun 1831 hingga 1832. Oleh itu dengan percubaan ini kita akan memperolehi satu gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang perjuangan awal orang-orang Melayu menentang faham kolonialisma yang dijalankan oleh Inggeris di Tanah Melayu ketika itu. Oleh kerana peristiwa peperangan ini melibatkan satu angkatan perang yang besar serta sesuai dengan sifatnya sebagai gerakan semangat kebangsaan yang ulung di zaman penjajahan Inggeris, maka penulis rasa ia perlu diketengahkan semula. Langkah ini dapat mengelakan dari lenyapnya peristiwa tersebut dari pengetahuan kita lebih-lebih lagi kepada generasi akan datang. Tanda-tanda peristiwa ini lenyap dari pengetahuan kita jelas apabila ramai di antara pelajar-pelajar yang tidak mengetahui bahawa pada suatu masa dahulu wujud sebuah kerajaan kecil yang berdaulat yang dinamakan 'Naning'. Selain dari itu ketokohan Datuk Dol Said perlu juga dinilai semula kerana tokoh ini memainkan peranan yang penting di dalam sejarah perjuangan orang-orang Melayu Naning.

Di samping itu penulis akan cuba memperbaiki beberapa penggunaan konsep-konsep serta tanggapan buruk yang telah digunakan di dalam penulisan sebelumnya. Umpamanya Buyung Adil pernah menukshuh bahawa Datuk Dol Said adalah seorang pemimpin yang zalim dan sombong. Tetapi di dalam hal ini beliau juga ada menyebut bahawa Datuk Dol Said mempunyai sifat yang positif seperti tegas, berani dan sebagainya. Oleh itu agak sukar untuk kita menilai keperibadian

beliau kerana sikap yang tegas menunjukkan personaliti yang baik bagi seorang pemimpin, tetapi sikap sombong dan zalim adalah dua sikap yang negatif sifatnya. Di dalam hal ini kita harus menilai sejauhmanakah benarnya perbuatan yang dianggap zalim oleh T.J. Newbold itu benar-benar dilakukan oleh Datuk Dol Said kepada anak-anak buahnya. Mungkin perbuatan zalim bagi orang-orang Inggeris ini bukanlah suatu perbuatan yang kejam bagi kita. Mungkin juga ada motif-motif tertentu dari penulisan beliau itu. Malahan kita harus sedar bahawa nilai orang-orang Inggeris tidak sama dengan nilai-nilai yang dipegang oleh orang-orang Naning. Begitu juga halnya dengan kenyataan yang dibuat oleh Crawford yang menyatakan bahawa Naning adalah suatu kawasan hutan yang tidak berfaedah juga perlu dipertikaikan. Kata-kata ini seolah-olah ingin menunjukkan bahawa adalah suatu perkara yang amat merugikan pihak kompeni Inggeris yang terlibat di dalam peperangan dengan komuniti di wilayah tersebut. Alasannya ialah kerana kawasan itu bukanlah merupakan satu kawasan yang menarik dari segi ekonomi. Oleh itu mereka membuat kesimpulan bahawa peristiwa Perang Naning yang pernah menjatuhkan emej orang-orang Inggeris itu boleh dianggap sebagai berlaku secara tidak dirancang. Oleh itu, penulis rasa perkara inilah perlu ditonjolkan dalam latihan Ilmiah ini.

Selain dari itu terdapat beberapa mesej yang ingin di ketengahkan di dalam tulisan ini. Mesej itu ialah tentang sikap negatif orang-orang Melayu di dalam satu-satu perjuangan iaitu perbuatan 'belot' dari perjuangan mereka sendiri. Ini adalah berikutan dari perbuatan Sayyid Syaaban yang telah membantu pasukan

pasukan Inggeris menentang orang-orang Melayu Naning, sedangkan sebelumnya beliau serta orang-orang Melayu Rembau telah memberi

bantuan kepada orang-orang Naning. Raja Ali Rembau dan Menantunya Sayyid Syaaban lebih mementingkan diri mereka sendiri dari maruah orang-orang Melayu. Keadaan ini dapat menunjukkan bahawa perbuatan 'belot' ini telah menyebabkan benteng pertahanan orang-orang Naning menjadi lemah dan akhirnya tewas di dalam perjuangan tersebut.

Di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini, penulis menggunakan kaedah temubual, penyelidikan di perpustakaan serta di Arkib Negara Malaysia. Di dalam usaha ini penulis lebih banyak membuat penyelidikan di perpustakaan dan Arkib Negara Malaysia dari mengadakan temubual. Keadaan ini adalah kerana sukar bagi penulis untuk mendapatkan responden yang benar-benar mengetahui tentang peristiwa tersebut. Oleh kerana peristiwa ini telah berlaku lebih kurang seratus lima puluh satu tahun yang lalu, maka kebanyakan dari mereka kurang faham dengan perjalanan peristiwa peperangan tersebut.

Namun demikian dengan mengadakan temubual dengan beberapa orang responden yang mengetahui serba sedikit tentang peristiwa tersebut penulis dapat memecahkan beberapa persoalan yang tidak dapat diketahui oleh penulis-penulis terdahulu. Bagi penulis, ini adalah satu perkembangan yang baik kerana dengan cara menggunakan sumber-

sumber lisan ini juga kita dapat mengumpulkan semua bahan-bahan sejarah yang kian luput. Terutamanya sejarah pembukaan wilayah Naning, Adat istiadat orang-orang Naning dan sebagainya. Keadaan ini

sesuai dengan peranan sejarah lisan itu sendiri iaitu untuk mendapatkan bahan-bahan yang akan lesap sedikit demi sedikit jika ia-
 6
 nya tidak dikumpulkan.

Di samping menggunakan bahan-bahan dari hasil temubual, penulis juga mempunyai bahan-bahan dari sumber-sumber bertulis seperti rekod-rekod resmi dan dokumen-dokumen penting yang terdapat di Arkib Negara. Penulis lebih banyak menggunakan buku-buku dan makalah-makalah yang sesuai terutama sekali yang ada kaitan dengan peristiwa Perang Naning serta-serta aktiviti-aktiviti kuasa penjajah di Melaka ke atas Naning. Oleh kerana sumber-sumber lisan yang diperolehi itu agak sukar untuk dipastikan kebenarannya (kerana kebanyakan dari responden adalah lapisan ketiga selepas peristiwa itu berlaku), maka penulis terpaksa membuat perbandingan dengan bahan-bahan bertulis. Bahan-bahan bertulis ini juga merupakan dokumen-dokumen asal yang merupakan laporan-laporan yang ditulis oleh pegawai-pegawai Inggeris di Melaka. Bahan-bahan ini kebanyakannya dalam bentuk mikrofilem.

Di dalam membuat satu-satu kajian, kita memang tidak dapat lari daripada menghadapi sebarang masaalah. Di dalam hal ini, masaalah yang paling besar penulis hadapi ialah kekurangan bahan-bahan rujukan. Memandangkan peristiwa Perang Naning ini telah menjejaskan imej pemerintah Inggeris di Melaka (akibat kekalahan mereka

⁶ Mohd. Amin Hassan, Tradisi Lisan dan usaha mengkaji Sejarah Tanahair Kita dalam Kerta Kerja Seminar Pengumpulan Pengajian dan Penggunaan Tradisi Lisan di Malaysia, 29hb.-31hb. March, 1973, hal.40

dalam peperangan peringkat pertama pada tahun 1831) maka peristiwa ini seolah-olah cuba disembunyikan dari pengetahuan umum.

Sehubungan dengan ini juga , oleh kerana di dalam jangkamasa

seratus tahun selepas peristiwa itu berlaku, penulisan tentang sejarah Tanah Melayu lebih banyak dilakukan orang-orang Inggeris jika agak kurang di antara mereka yang ~~yang~~ cuba menulis peristiwa tersebut dengan lebih terperinci melainkan P.J. Begbie, L.A. Mills dan T.J. Newbold sahaja. Malahan tidak ramai di antara mereka yang menceritakan tentang proses perang tersebut dengan jelas. Oleh itu penulis terpaksa membuat alternatif untuk menggunakan sumber yang ditulis oleh P.J. Begbie serta laporan-laporan yang ditulis oleh pegawai-pegawai Inggeris di Melaka ketika itu.

Dalam usaha mencungkil sumber-sumber yang terdapat di dalam laporan-laporan tadi, penulis terpaksa mendapatkannya dalam bentuk mikrofilem yang terdapat di perpustakaan Universiti Malaya. Lebih menyulitkan lagi ialah kerana tulisan-tulisannya adalah di dalam bentuk tulisan tangan yang sukar untuk dibaca lebih-lebih lagi untuk difahami.

Masalah lain yang penulis hadapi ialah masalah kesuntukan masa untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Pada tahun ini Arkib Negara Malaysia telah terpaksa ditutup buat sementara waktu kerana proses pemindahannya dari Petaling Jaya ke bangunan barunya di Jalan Duta. Ini menyebabkan dalam masa lebih dari dua bulan kami tidak dapat membuat sebarang penyelidikan di sana sedangkan kebanyakan dari sumber-sumber utama yang diperlukan terdapat di situ. Masalah

menjadi lebih rumit lagi apabila peraturan baru dikeluarkan oleh pihak perpustakaan Universiti Malaya yang tidak membenarkan pelajar-pelajar dari Universiti Kebangsaan menggunakan perpustakaan mereka. Kami hanya dibenarkan menggunakan perpustakaan tersebut dalam masa cuti penggal universiti tersebut. Justru itu oleh kerana dalam masa menyiapkan latihan ilmiah ini penulis juga terpaksa menghabiskan kerja kursus maka penulis terpaksa memburu masa dan menyesuaikan dengan peraturan dan keadaan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan.

Selain dari itu penulis juga menghadapi masalah di dalam usaha untuk menyesuaikan fakta-fakta dari sumber-sumber lisan dengan fakta dari sumber bertulis. Oleh kerana penulis hanya menemui responden dari sebelah pihak sahaja maka mungkin terdapat kekeliruan fakta seperti wujudnya unsur-unsur magis atau ghaib yang digambarkan oleh responden-responden yang ditemui. Penulis menghadapi sedikit kesukaran untuk membuat keputusan muktamad samaada perkara-perkara tersebut perlu dimasukkan ataupun tidak. Namun demikian, ada juga di antaranya penulis muatkan juga di dalam bentuk isi latihan ilmiah ini dan ada juga ditulis dalam bentuk nota kaki sahaja.

PROSES PERANG NANING 1831-1832PUNCA PEPERANGAN

Keruncingan hubungan di antara pemerintah Inggeris di-Melaka dengan penghulu Datuk Dol Said seolah-olah seperti retak menanti belah. Keadaan ini adalah berikutan dari tindakan Datuk Dol Said melanggar arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pemerintah Melaka itu. Kemudiannya pula, Datuk Dol Said mencabar lagi kedudukan Inggeris di Melaka dengan cara mengganggu tanah yang dimiliki oleh Encik Surin. Peristiwa tanah yang menjadi rebutan di antara Datuk Dol Said dan Encik Surin ini telah menjadikan hubungan di antara Inggeris dengan Nanning bertambah kritikal. Pada bulan Oktober 1830, Encik Surin telah membuat pengaduan bahawa pengikut-pengikut Datuk Dol Said telah merosakkan kebun dukunya yang terletak di Kampung Durian Tunggal, Melaka.¹ Pihak Inggeris terlalu marah dengan tindakan itu dan memberi arahan kepada Datuk Dol Said supaya jangan melibatkan diri dan mengganggu tanah Encik Surin tersebut. Tetapi Datuk Dol Said tidak menghiraukan arahan itu malahan beliau telah membuat pengakuan bahawa tanah di Pancur itu adalah milik

¹C.O. Blagden, 'Malay Document Relating to Nanning War Introduction Note' dalam L.A. Mills, 'British Malaya 1824-1869' JMBRAS, Vol. III, Nov. 1925, surat Samuel Garling kepada Penghulu Nanning dan Empat Suku, 13hb. Oktober, 1830, hal. 314.

nya sendiri. Oleh itu pada bulan yang sama , beliau telah menghantar surat kepada Residen Konsular Melaka dengan mengatakan bahawa tanah duku tersebut bukannya milik Encik Surin. Tanah itu sebenarnya adalah tanah pesakanya yang dimilikinya sejak dari zaman berzaman kerana ianya terletak di dalam kawasan Naning. Oleh itu bagi Datuk Dol Said, tindakan anak-anak buahnya itu tidaklah salah kerana buah duku itu adalah hak mereka.²

Tindakan dan sikap Datuk Dol Said ini telah menimbulkan kemarahan kepada Samuel Garling selaku Residen Konsular Melaka. Sebagai kuasa tertinggi di Melaka beliau telah menjawab surat yang dihantar oleh Datuk Dol Said. Beliau memberi amaran kepada penghulu Naning bahawa oleh kerana Naning terletak di bawah kuasa pentadbiran British, maka pihaknya berhak menentukan pentadbiran tanah di Melaka dan ini juga bermakna mereka berhak menentukan pentadbiran tanah di Pancur itu. Penghulu Naning tidak boleh terlibat di dalam urusan tersebut. Orang-orang Kaya di Naning (Penghulu Datuk Dol Said) hanya boleh bertindak sebagai pemerintah di Naning sahaja dan tidak boleh menentukan pemilikan tanah yang terletak di wilayah tersebut. Di dalam utusannya Samuel Garling memutuskan bahawa dusun itu telah dipulangkan kepada Encik Surin dan Encik Surin dikehendaki membayar satu persepuluh dari hasil

²Ibid, hal. 315. Surat Penghulu Naning dan Empat Suku kepada Samuel Garling (tanpa tarikh).

tanah tersebut kepada pemerintah Inggeris di Melaka.³

Keputusan Garling itu sesungguhnya tidak memuaskan hati Datuk Dol Said. Di dalam suratnya kepada Samuel Garling itu, terkandung kenyataan bahawa tanah di Pancur yang diakui sebagai milik Encik Surin itu adalah milik Naning selama-lamanya. Encik Surin membuat pengakuan tersebut hanya baru ketika itu sahaja sedangkan tanah di Pancur itu telah menjadi milik orang-orang Naning sejak beratus tahun dahulu.⁴ Penjelasan penghulu Naning itu secara tidak langsung dapat menggambarkan bahawa Datuk Dol Said dan Empat Suku tidak mengakui ketuanan mereka ke atas tanah Naning. Oleh itu pihak kompeni Inggeris mulai menyedari bahawa cita-cita dan hasrat mereka ke atas tanah Naning akan hancur.

Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa perebutan tanah di antara Encik Surin dengan penghulu Datuk Dol Said telah memecahkan hubungan di antara Naning dan pihak kompeni Inggeris. Tindakan Datuk Dol Said menyelesaikan kes tersebut dianggap oleh pentadbir Inggeris di Melaka sebagai melampaui batasan.

Sebab-sebab Datuk Dol Said tidak dibenarkan campurtangan di dalam menyelesaikan kes tanah Encik Surin .

Tindakan Inggeris menghalang penghulu Naning campur-

³Ibid, hal. 316-317. Surat Samuel Garling kepada Peng-Naning dan Empat Suku , 19hb. Oktober, 1830.

⁴Ibid, hal. 317. Surat Penghulu Naning kepada Samuel Garling Residen Konsular Melaka, (tanpa tarikh).

tangan di dalam kes tersebut adalah kerana ketika itu pihak kompeni Inggeris khuatir dengan kedudukan Datuk Dol Said yang terlalu kukuh akan menjadi penghalang kepada mereka untuk mendapatkan wilayah Naning. Tambahan pula kes itu melibatkan penghulu Naning itu sendiri. Jika sekiranya beliau yang mengadili kes tersebut, tentunya tanah di Pancur itu akan jatuh ke tangannya sendiri. Seandainya berlakunya keadaan yang sedemikian, pihak kompeni Inggeris tidak akan mendapat sebarang faedah. Kerana Datuk Dol Said tidak akan membayar cukai tanah kepada Inggeris di Melaka. Ini tentunya akan merugikan pihak kompeni Inggeris sendiri. Di sebaliknya pula, jika kes ini diselesaikan di Melaka tanah itu akan menjadi milik Encik Surin. Pihak kompeni Inggeris tentunya akan mendapat banyak faedah dari cukai tanah dan hasil tahunan sebanyak satu persepuluh sebagaimana yang telah ditetapkan.

Keadaan hubungan di antara pihak kompeni Inggeris di Melaka dengan penghulu Naning semakin meruncing lagi apabila Samuel Garling merancang untuk melucutkan jawatan Datuk Dol Said di Naning. Alternatif yang dibuat oleh Inggeris ini telah menimbulkan kemarahan dihati Datuk Dol Said. Namun demikian beliau sedar bahawa kedudukannya yang sebenar tidak terletak di tangan kompeni Inggeris. Walaupun Inggeris mengambil langkah untuk memecatnya namun pengaruh dan kedudukannya sebagai penghulu Naning tetap diakui dan diterima oleh masyarakat di Naning. Pihak Inggeris telah memutuskan hubungan dengan Datuk Dol Said dan mengambil keputusan untuk menjatuhkan beliau dengan cara meng-

angkat senjata. Selagi Datuk Dol Said berkuasa di Naning pihak kompeni Inggeris akan mengalami kerugian. Lantaran itu pada 2hb. April, 1831 pemerintah Inggeris di England telah memberi kebenaran kepada pemerintah Inggeris di Negeri-negeri Selat supaya bertindak ke atas Naning.⁵

Persediaan untuk mengadakan peperangan

Kemarahan pemerintah Inggeris di Melaka terhadap sikap Datuk Dol Said dan Empat Suku telah menyebabkan pihak kompeni Inggeris ingin mendapatkan Naning dengan cara kekerasan. Setiap penduduk menjadi gempar dengan berita tersebut. Kegemparan ini tidak hanya tersebar di Melaka tetapi juga meluas hingga ke Singapura. Sehingga setiap orang Melayu yang tinggal di Singapura terburu-buru untuk pulang ke Melaka. Kegemparan ini boleh digambarkan kepada keadaan penduduk Melaka sepertimana yang dicatatkan oleh Abdullah Munshi :

" Maka apabila aku sampai ke Melaka , maka ku dapati negeri Melaka gempar besar, masing-masing duduk berjaga dengan senjata dan dengan ketakutan . Maka berjenis-jenis khabar yang aku dengar. Ada yang kata ' Lagi dua hari orang hulu hendak turun mengamuk ke Melaka.....' Maka pada masa itulah ku lihat dalam Melaka tiap-tiap orang memakai senjata, maka di rumah tukang besi pun berkerumunlah orang-orang memakai senjata dan orang-orang mencanai pun perpuluh-puluh tempat , istimewa orang menyerang hampir segenap-
genap tempat. Shahadan adapun kepada masa aku sampai

⁵ Lihat L.A. Mills, British Malaya 1824-1869 (Kuala Lumpur : Oxford Univ. Press, 1969), hal. 125; Mubin Sheppard, 'The Tomb of Dato' Abdul Said Dato' Naning ' dalam Malaysia

ke Melaka itu , Tuan Lewis magistrate serta beberapa orang officer dan supai serta meriam dan senapang serta beratus-ratus orang sertanya pergi melanggar Naning. Hatta setelah tiga hari lamanya angkatan itu pergi maka....." 6

Sebenarnya peristiwa Perang Naning yang melibatkan masyarakat Melayu Naning dan pihak kompeni Inggeris ini telah mula berlaku pada tahun 1829 lagi. Ini adalah berikutan dari keenganan Datuk Dol Said menghadirkan diri ke Melaka untuk memberi hormat dan tanda taat setia kepada Inggeris. Keadaan ini menyebabkan Robert Fullerton yang menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat telah melengkapkan satu angkatan perang untuk menangkap Datuk Dol Said dan Empat Suku yang terdiri dari Maharaja Nan Kaya Andika Maharaja, Datuk Membangun dan Orang Kaya Kecil.

Di sebelah pihaknya pula Datuk Dol Said juga telah membuat persediaan . Beliau telah mengutuskan surat kepada daerah-daerah yang berhampiran dengan Naning mengarahkan supaya perlengkapan peperangan disediakan. Tetapi oleh kerana tindakan Robert Fullerton ini tidak mendapat kelulusan dari Majlis Mesyuarat di-Pulau Pinang maka rancangan itu terpaksa dibatalkan sahaja . Kegagalan pihak kompeni Inggeris menghantar tenteranya di Naning menyedarkan Datuk Dol Said bahawa pihak kompeni Inggeris tidak

In History, Vol.IO, No. 1,1967, hal. 32-35; Buyung Adil, Sejarah Alam Melayu (Singapore: Terbitan Tiger Press, 1952), hal. 150.

⁶ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Hikayat Abdullah, Jilid 2 (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964), hal. 351.

mempunyai satu sistem pentadbiran yang baik. Namun demikian beliau yakin bahawa peperangan pasti berlaku. Justru itu, sebagai langkah bersiap sedia dan berjaga-jaga beliau sentiasa memberi semangat kepada panglima-panglimanya dan penduduk tempatan.

Oleh kerana Datuk Dol Said menyedari bahawa penduduk Naning ketika tidak berapa ramai, maka beliau telah berusaha untuk mendapatkan bantuan dari Rembau, Gemencih, Sungai Ujung dan sebagainya. Beliau telah menghantar surat kepada Raja Ali Rembau dengan hasrat untuk mendapatkan bantuan dari Yamtuan itu.⁷ Yamtuan Rembau itu bersetuju untuk memberikan bantuan kepada orang-orang Naning. Kesanggupan Raja Ali memberikan bantuan ini adalah dengan alasan kerana beliau khuatir sekiranya Naning dapat dikalahkan oleh pihak kompeni Inggeris, maka Rembau juga akan turut terlibat di dalam serangan dari pihak kompeni tersebut. Tambahan pula Datuk Dol Said ada menyatakan bahawa Raja Labuh akan membantu pasukan Inggeris bagi menentang Naning dan Rembau.⁸ Oleh itu di dalam usaha ini, Raja Ali telah menghantar menantunya bernama Sayyid Syaaban bagi membantu Naning di dalam peperangan peringkat pertama.

⁷ lihat R.J. Wilkinson, 'Notes On Negeri Sembilan' dalam Papers On Malaysia Subject (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1971), hal. 302. Raja Ali ialah Yamtuan Muda Rembau yang berhasrat untuk menduduki jawatan Yamtuan Negeri Sembilan. Beliau adalah anak Yamtuan Muda yang beristerikan orang kebanyakan Rembau. Beliau berebut jawatan Yamtuan Besar Negeri Sembilan yang bakal disandang oleh Raja Labuh (Raja Sati) iaitu anak raja Sumatera yang datang ke Negeri Sembilan pada tahun 1826 atas jemputan Datuk Kelana.

⁸ P.J. Begbie, The Malayan Peninsula (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1967), hal. 162.

Menurut P.J. Begbie, bantuan yang diterima oleh Datuk Dol Said tidak sahaja dalam bentuk ketenteraan malahan bantuan wang juga ada diberikan.⁹ Populariti Datuk Dol Said juga telah mendorongkan beliau mendapat bantuan daripada Penghulu Gemencih, Penghulu Linggi dan Pembesar Sri Menanti serta Datuk Kelana Putera.¹⁰ Malahan bantuan juga diterima dari penghulu Yamtuan Ali sendiri iaitu Remai dan Rechat. Gabungan dari bantuan-bantuan ini, Datuk Dol Said dapat mengumpulkan kira-kira 4,000 orang untuk menentang kompeni Inggeris.¹¹

Menurut beberapa keterangan yang diperolehi dari masyarakat Naning itu sendiri, di Naning ketika itu terdapat sebuah 'tabuh' yang dianggap mempunyai berbagai-bagai kelebihan. Ianya terletak di masjid Tiang Sebatang dan bagi orang-orang Naning ketika itu tabuh ini lebih dikenali lagi sebagai 'Tabuh Kesaktian'. Pada masa angkatan kompeni Inggeris hendak menyerang Naning, 'tabuh' ini dikatakan telah berbunyi dengan sendirinya serta hebat dan kuat gemanya. Bunyi 'tabuh' ini seolah-olah memberitahu kepada masyarakat Naning bahawa satu bencana akan menimpa negeri mereka. Lantaran itu orang-orang Naning dengan diketuai oleh Datuk Dol

⁹Ibid, hal. 168.

¹⁰Lihat C.O. Blagden, 'Malay Document Relating to Naning War'....op.cit, hal. 327-328. surat Gabenor Ibbetson kepada Yang Dipertuan Sri Meranti, Datuk Kelana Putera dan Penghulu Johol, 11hb. dan 12hb. Januari, 1832.

¹¹Abdullah Zakaria bin Ghazali, 'Perjuangan Orang-orang Melayu Naning menentang Inggeris 1831-1832' dalam

Said bersiap sedia dan menyusun strategi untuk menghadapi musuh¹²
yang bakal menyerang .

Oleh kerana Datuk Dol Said mengetahui bahawa terdapat sebuah markas kompeni Inggeris di Sungai Petai, maka beliau telah mengarahkan supaya pengikut-pengikutnya menyerang markas tersebut. Orang-orang Naning juga telah diarahkan supaya menyekat kemaraan angkatan kompeni Inggeris ke Naning. Di samping itu pihak kompeni Inggeris pula diberitahu bahawa orang-orang Naning mendapat bantuan senjata api yang didatangkan dari datangkan dari daerah-daerah¹³ luar melalui Sungai Linggi. Senjata api ini termasuklah senapang, ubat bedil dan peluru. Selain dari itu kubu-kubu pertahanan juga telah diarahkan supaya dibina di tempat-tempat yang dijangka strategik dan dapat menyekat kemaraan pasukan kompeni Inggeris. Rumah-rumah yang berhampiran dengan jalan yang dijangka akan dilalui oleh pasukan kompeni Inggeris dibekalkan dengan

Jernal Sejarah , Jilid 15 (Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Universiti Malaya, 1977/78), hal.17.

¹²Nordin Yunus, keterangan tentang Tabuh Kebesaran Naning, wawancara pada 13hb. September, 1982. Lihat juga P.J. Begbie, op.cit., hal, 253. Menurut keterangan yang diberikan jelas bahawa 'tabuh' itu diperbuat dari kayu merbau yang digunakan sebagai ketuk-ketuk (beduk) bagi menandakan masuknya waktu sembahyang atau apabila berlakunya satu-satu perkara yang menggemparkan. Pokok merbau ini adalahsebatang pokok yang amat besar dan luar biasa sifatnya. Ukuran garispusatnya tabuh itu ialah sepanjang dua kaki dan panjangnya ialah lima setengah kaki. Bunyinya yang kuat boleh didengar oleh penduduk di sekitarnya.

¹³C.O. Blagden, Malay Documrnt Relatingop.cit., hal. 333-335. Surat Samuel Garling Residen Konsular Melaka kepada

senapang dan peluru dan mereka diarahkan supaya melepaskan tembakan apabila pasukan kompeni Inggeris melalui kawasan masing-masing.¹⁴

Pihak kompeni Inggeris di Melaka juga telah membuat beberapa persediaan untuk mara ke Naning. Sebelum pasukan tenteranya digerakan pemerintah Inggeris di Melaka telah melantik Lefternen Milnes menjadi pemerintah di Naning.¹⁵ Kemudian pasukan kompeni Inggeris yang terdiri daripada seratus lima puluh orang sepoi dan disertai dengan dua buah meriam jenis enam paun telah di arahkan supaya ditarik oleh kereta lembu ke Naning.¹⁶ Di samping itu juga pasukan ini terdiri daripada pasukan Golaundanze serta pasukan Native Infantry regiment ke 29 yang didatangkan khas dari Madras bersama-sama angkatan kompeni yang dihantar dari Singapura.¹⁷ Di dalam angkatan ini , Kapten Wyllie telah dilantik sebagai ketua pasukan bagi mengendalikan gerakan angkatan tersebut.¹⁸

Raja Ali Rembau, Datuk Kelana Putera dari Sungai Ujung , Datuk Penghulu Johol dan Temenggong Muar.

¹⁴ Abdullah Zakaria Ghazali, Perjuangan Orang-orang Melayu Naning....., op.cit., hal. 17

¹⁵ SSR. U.I.R Ibbetson kepada Samuel Garling Esqr Timbalan Residen Melaka, 15hb. Julai, 1831.

¹⁶ T. Braddell, 'Notes on Naning with a brief notice of the Naning War' dalam JIAEA , Vol. I, New Series, 1856, hal. 205.

¹⁷ SSR .U.I.R Ibbetson kepada S.G. Bonham, Esqr, Timbalan Residen Singapura , 19hb. Ogos, 1831.

¹⁸ P.J. Begbie, op.cit., hal. 164 .

Beliau telah dibantu oleh Lefternen Milnes, Lefternen Begbie, Ensign Short dan W.T. Lewis iaitu Timbalan Residen Melaka yang telah ditugaskan sebagai Pesuruhjaya Awam.¹⁹

Tujuan Pasukan Kompeni Inggeris dibentuk

Sebenarnya tujuan pembentukan pasukan kompeni Inggeris adalah semata-mata untuk menangkap Penghulu Datuk Dol Said serta pengikut-pengikut rapatnya sahaja. Ini adalah kerana pihak kompeni Inggeris menganggap bahawa mereka adalah penghalang segala harapan dan niat yang hendak dilaksanakan di Naning. Justru itu, oleh kerana Datuk Dol Said tinggal di Taluh Naning maka pasukan bersenjata Inggeris itu telah diarahkan supaya terus ke sana serta mengancam pembesar-pembesar Naning supaya mematuhi perintah dan arahan daripada Inggeris di Melaka.²⁰ Melihatkan kepada bilangan asykar dan senjata yang dibawa ke Naning, jelas menunjukkan bahawa pihak kompeni Inggeris tidak menjangka bahawa Naning merupakan sebuah wilayah yang mempunyai nilai-nilai perpaduan dan semangat perentangan yang kuat. Mereka memandang rendah terhadap kekuatan orang-orang Naning di mana mereka menegaskan bahawa tentera Naning akan berpecah-pecah sebelum angkatan kompeni menyerang Naning.

¹⁹ Ibid, hal. 163-164.

²⁰ Housain Ismael el Ilmu, 'A Malay Narrative of the late Naning expedition' dalam Singapore Chronicle, Khamis 11hb. Ogos, 1831, dikutip oleh Abdullah Zakaria Ghazali, 'Perjuangan orang-orang Melayu Naning.....op.cit., hal. 16.

Malahan penghulu Naning dianggap miskin dan tidak akan dapat membiayai perbelanjaan ketenteraannya bagi menentang pasukan Inggeris. Di sini juga perlu dijelaskan bahawa pihak kompeni Inggeris tidak berniat untuk menentang penduduk Naning. Mereka hanya ingin menghapuskan Datuk Dol Said dan pengikut-pengikut setianya. Di dalam hal ini pihak Inggeris akan berusaha untuk mendapatkan perhatian yang baik dari orang-orang Naning sendiri, kerana mereka mempunyai kepentingan ekonomi di Naning.

Serangan Pasukan Inggeris yang Pertama

Perang Naning secara resminya bermula pada bulan Ogos, 1831 apabila satu pasukan penyerang telah bergerak dari Melaka terus menuju ke Naning. Oleh kerana pasukan ini kurang pengetahuan tentang keadaan mukabumi di wilayah Naning, maka pasukan kompeni Inggeris ini terpaksa menghadapi berbagai-bagai kesulitan untuk sampai ke Tabuh Naning. Mereka telah berjalan kaki meredah hutan rimba yang tebat dan mengharung paya serta sawah padi sambil bekerja membuat jalan untuk menarik meriam yang dibawa bersama. Keadaan ini tentunya tidak menyulitkan orang-orang Naning untuk melancarkan strategi mereka .

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pihak kompeni Inggeris hanya ingin menangkap Datuk Dol Said sahaja. Oleh itu sebelum pasukan tentera mereka digerakan, penduduk Naning telah diberitahu supaya tidak campurtangan di dalam serangan yang ter-

sebut. Tindakan pihak kompeni Inggeris ini ada dua kemungkinan pertamanya ialah untuk mengelakan dari lahirnya sikap prajudis terhadap Inggeris di kalangan penduduk Naning dan keduanya pula adalah kerana mereka khuatir orang-orang Melayu akan memberi bantuan kepada Datuk Dol Said, kerana pihak kompeni telah mengetahui tentang kedudukan penghulu Naning dari pandangan orang-orang Naning sendiri.

Pada 6hb. Ogos, 1832 pasukan kompeni Inggeris telah mulai digerakkan. Bagi memudahkan kerja, semua perlengkapan telah dihantar melalui jalan sungai hingga ke sempadan Naning. Dari sana, semua barang-barang tersebut akan dibawa oleh kuli-kuli terus ke Naning.²² Tetapi satu peristiwa yang tidak disangka-sangkakan telah berlaku ke atas perahu yang membawa bekalan tersebut. Mereka buat pertama kalinya telah menerima serangan yang hebat dari orang-orang Naning menyebabkan mereka terpaksa berundur semula ke Melaka. Peristiwa ini memberi amaran kepada pihak kompeni Inggeris bahawa hampir keseluruhan orang-orang Naning menaruh kepercayaan dan kesetiaan kepada penghulu Datuk Dol Said.

Pasukan kompeni Inggeris yang berjalan kaki ke Naning telah singgah di Sungai Petai. Di sini / mendirikan khemah

²²T. Braddell, op.cit., hal. 206.

dan rumah kerajaan yang terdapat di situ dijadikan markas utama. Sebelum tiba di Sungai Petai, angkatan ini telah diserang oleh orang-orang Melayu Naning di mukim Ikan Lemak.²³ Ini adalah serangan pertama yang dibuat oleh orang-orang Naning ke atas pasukan kompeni Inggeris sebelum mereka sampai ke Sungai Petai pada pukul satu tengahari 6hb. Ogos, 1831.²⁴ Kemudian selepas itu kapten Wyllie yang mengetuai pasukan kompeni Inggeris bersama-sama W.T. Lewis telah meneruskan perjalanan mereka dari Sungai Petai ke sempadan Naning. Tetapi angkatan ini sekali lagi telah diserang apabila mereka sampai di sebuah kaki bukit bukit yang berhampiran dengan Kelemak. Di sini terdapat dua orang panglima yang bersenjatakan senapang (muskets) serta tombak telah bersedia menunggu kedatangan pasukan kompeni Inggeris ke kawasan tersebut. Bersama-sama panglima tersebut terdapat lebih kurang dua puluh atau tiga puluh orang Melayu mengiringi panglima-panglima tersebut. Di samping itu terdapat lebih kurang tiga puluh atau empat puluh orang pengikut Datuk Dol Said yang cuba menyerang angkatan kompeni itu.²⁵ Orang-orang Melayu Naning yang bergerak secara 'gurila' telah membuat kubu-kubu di celah-celah hutan. Mereka hanya akan

²³C.O. Blagden, 'Malay Document Relating ... op.cit., hal. 321-333. Surat Samuel Garling Residen Konsular Melaka kepada penghulu Naning, 30hb. Ogos, 1831.

²⁴P.J. Begbie, op.cit., hal. 169.

²⁵Ibid, hal. 171 ; lihat juga SSR.R.I, Ibbetson kepada George Sivinton Ketua Setiausaha pemerintah Fort William, 19hb. Ogos, 1831.

membuat serbuan apabila pasukan kompeni Inggeris tiba di kawasan tersebut. Setibanya pasukan kompeni Inggeris di kubu-kubu orang-orang Naning, mereka telah diserang oleh angkatan orang-orang Melayu Naning itu. Oleh kerana di dalam keadaan mendesak, pasukan kompeni Inggeris telah melepaskan tembakan ke arah orang-orang Melayu yang menyerang mereka. Akibatnya beberapa orang Naning telah terkorban.²⁶ Tidak beberapa jauh bergerak ke hadapan, angkatan orang-orang Melayu membuat beberapa serangan lagi dan pihak kompeni Inggeris membalas tembakan tersebut di mana menyebabkan orang-orang Melayu mengundurkan diri. Oleh kerana orang-orang Melayu telah mulai beredar, pasukan kompeni telah menggunakan peluang ini untuk meneruskan perjalanan mereka hingga ke Alor Gajah. Mereka tiba di pekan kecil ini kira-kira pukul satu tengahari .

Setibanya mereka di Alor Gajah , didapati orang-orang Melayu Naning telah bersiap sedia menanti ketibaan mereka . Mereka menanti lengkap dengan senjata masing-masing seperti keris, tombak dan lembing. Tetapi sekali lagi angkatan orang-orang Melayu ini terpaksa melarikan diri apabila mereka menerima tembakan dari pasukan kompeni Inggeris. Memandangkan orang-orang Melayu telah beredar dari situ, Kapten Wyllie selaku ketua angkatan kompeni

²⁶ P.J. Begbie, op.cit., hal. 169.

Inggeris, beliau telah mengarahkan sepai-sepainya mendirikan khemah-khemah di situ.²⁷ Di dalam keadaan yang amat membimbangkan ini, satu lagi masalah telah timbul ketika itu. Satu perkara yang amat merunsingkan fikiran Kapten Wyllie ialah kerana utusan beserta dengan alat keperluan yang sepatutnya tiba dari Melaka masih belum sampai ke tangan mereka. Tambahan pula perjalanan mereka terlalu lambat akibat dari serangan yang dibuat oleh orang-orang Melayu Naning.

Di pihak angkatan orang-orang Melayu pula, oleh kerana mereka tidak dapat menyekat perjalanan pasukan kompeni Inggeris dengan sepenuhnya, maka mereka telah mengubah strategi mereka. Orang-orang Melayu Naning telah mengadakan sekatan untuk memutuskan hubungan di antara pasukan Inggeris yang bermarkas di Sungai Petai dengan pusat pentadbiran mereka di Melaka.²⁸ Dengan langkah ini pasukan musuh tidak akan dapat meneruskan perjalanan mereka kerana tidak mendapat sebarang maklumat dan arahan dari pihak pusat. Di dalam usaha ini, orang-orang Naning yang lebih arif dengan keadaan tempat itu, telah menebang pokok-pokok besar di jalan-jalan yang dilalui oleh pasukan musuh.²⁹

²⁷Ibid, hal. 172.

²⁸Singapore Chronicle, Khamis, 8hb. September, 1831.

²⁹P.J. Begbie, op.cit., hal. 173.

Walaupun tidak ada sebarang arahan atau perintah dari pusat, pasukan kompeni Inggeris tetap meneruskan perjalanan mereka. Orang-orang Melayu pula terus menerus mengadakan serangan. Namun demikian pasukan musuh berjaya juga sampai ke Melekek pada iaitu sebuah kampung yang berhampiran dengan kawasan Tabuh pada 9hb. Ogos, 1831 iaitu setelah tiga hari mereka meredah dan merempuh hutan. Setibanya mereka di Melekek, khamah-khemah telah didirikan.³⁰ Ketika itu orang-orang Melayu Naning terus menerus menebang pokok-pokok besar.³¹ Tindakan ini telah menyebabkan hubungan di antara Melekek dengan Sungai Petai pula terputus.³² Keadaan ini menyebabkan kedudukan angkatan penyerang kompeni Inggeris berada di dalam kebimbangan. Ketika itu mereka menghadapi masalah kekurangan makanan dan alat-alat perubatan sedangkan ramai di antara sepoi-sepoi yang tercedera dan memerlukan bantuan perubatan. Tambahan pula angkatan orang-orang Melayu Naning sentiasa melakukan serangan sehinggakan seorang sepoi terbunuh dan seorang lagi tercedera.³³

Walaupun orang-orang Melayu berjaya menyekat hubungan di antara Melekek dengan markas di Sungai Petai dan hubungan di

³⁰ Singapore Chronicle, Khamis, 25hb. Ogos, 1831.

³¹ P.J. Begbie, op.cit., hal. 172. SSR. RI. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William.

³² T.J. Newbold, British Settlement In The Straits of Malacca, Vol. II (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hal. 228.

³³ SSR. RI, Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19hb. Ogos, 1831.

antara Sungai Petai dengan Melaka, tetapi pihak kompeni Inggeris di Melaka dapat menjangka bahawa pasukan penyerang mereka berada di dalam keadaan yang mencemaskan. Ini adalah berdasarkan kepada berita yang disampaikan oleh pasukan berperahu yang membawa alat-alat kelengkapan ke Naning telah terpaksa balik semula ke Melaka.³⁴ Justru itu pemerintah di Melaka telah menghantar satu pasukan bantuan yang terdiri dari Havildar dantujuh puluh orang kuli ke-Sungai Petai dan membawa alat kelengkapan yang terdiri dari barang-barang makanan dan senjata. Pasukan ini berlepas dari Melaka pada 10hb. Ogos, 1831 kira-kira jam lima pagi. Sama seperti keadaan yang dialami oleh pasukan yang sebelumnya, pasukan bantuan ini juga menerima serangan dari orang-orang Naning. Akibatnya mereka terpaksa berundur kerana dua orang sepoi telah tercedera.³⁵ Di dalam hal ini timbul satu perkara yang menghairankan iaitu didapati bahawa ketika pasukan ini berundur, didapati hanya tiga belas orang sepoi sahaja yang kembali semula ke Melaka dari jumlah semuanya seramai tujuh puluh orang.³⁶ Sejumlah lima puluh tujuh orang lagi telah hilang dipertengahan jalan yang

³⁴ Utusan berperahu ini mula mudek di Sungai Melaka pada 5hb. Ogos, 1831 ke Malim dan terus ke Ching. Di sana mereka di serang dan terpaksa berundur semula ke Melaka. Lihat T. Braddell op.cit., hal. 206.

³⁵ P.J. Begbie, op.cit., hal. 179. SSR.RI, Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19hb. Ogos, 1831.

³⁶ Singapore Chronicle, Khamis, 8hb. September, 1831; P.J. Begbie, op.cit., hal. 179. Beliau menyatakan bahawa hanya tujuh belas orang sepoi sahaja yang kembali ke Melaka.

tidak diketahui sebab-musababnya .

Disepanjang pertemuan penulis dengan orang-orang tua di Naning, mereka menyatakan bahawa dalam peristiwa Perang Naning 1831, orang-orang Naning mendapat bantuan dari beribu-ribu ekor serangga'naning'. Naning ini adalah sejenis serangga yang sangat bisa. Menurut keterangan itu lagi bahawa'naning' itu telah keluar dari sarangnya apabila 'tabuh kebesaran' orang-orang Naning itu berbunyi. Serangga ini telah menyerang dan meyangat pasukan musuh. Sekiranya seseorang terkena sengat'naning' ini maka ia akan mengalami penderitaan dan boleh juga membawa maut.³⁷

Penulis rasa perlu juga di ketengahkan perkara ini kerana ada kaitan di antara kehilangan lebih kurang lima puluh tujuh orang sepoi dari pasukan kompeni Inggeris dengan serangan serangga tadi; Namun demikian perkara ini masih boleh dipersoalkan lagi kebenarannya. Tetapi selagi belum ada jawapan tentang sebab-sebab kehilangan sepoi-sepoi tadi selagi itulah faktor tersebut masih boleh dipakai.

Kegagalan pasukan bantuan yang dihantar oleh pemerintah di Melaka ke Naning telah menyebabkan keadaan pasukan penyerang di bawah pimpinan Kapten Wyllie semakin mencemaskan. Keadaan ini menyebabkan mereka telah diarahkan berundur dari perkhemahan

³⁷ Shahbudin bin Ahmad, keterangan tentang peperangan di antara orang-orang Melayu Naning dengan Inggeris, wawancara pada 3hb. Disember, 1982.

di Melekek.³⁸ Di samping itu pula orang-orang Datuk Dol Said terus juga melakukan serangan ke atas pasukan musuh tersebut, terutama sekali di mukim Kelemak. Semasa pasukan kompeni Inggeris hendak berundur, kira-kira sejumlah dua ratus orang angkatan orang-orang Naning telah melakukan serangan . Oleh itu dua orang Golundauze mengalami kecederaan . Pasukan kompeni Inggeris telah membalas serangan tersebut dengan melakukan tembakan ke atas orang-orang Melayu itu dan ini menyebabkan mereka berundur dari situ. Namun demikian agak sukar untuk dikesan bilangan orang-orang Naning yang tercedera. Namun demikian pada masa ini Raja Ali telah menghantar menantunya Sayyid Syaaban bersama-sama lima ratus orang Rembau bagi membantu pasukan orang-orang Naning.³⁹ Justru itu, kehadiran bantuan tentera Rembau ini dapat mengukuhkan lagi pertahanan dan serangan pasukan orang-orang Melayu..

Sungguhpun pasukan kompeni Inggeris sentiasa menghadapi serangan dari orang-orang Naning, mereka yang sedang berundur ke Melaka sempat juga sampai ke markas mereka di Sungai Petai. Mereka tiba di markas tersebut pada pukul tujuh malam 10hb. Ogos, 1831. Pada 12hb. Ogos, satu lagi angkatan pembantu telah dihantar ke Naning oleh pemerintah Inggeris di Melaka. Pasukan ini terdiri

³⁸ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op.cit., hal. 351; R.J. Wilkinson, op.cit., hal. 303; T. Braddell, op.cit., hal. 206.

³⁹ T.J. Newbold, British Settlement....op.cit., hal. 228. Sayyid Syaaban ialah seorang keturunan Arab yang datang ke Rembau sebagai seorang guru agama dan berkahwin dengan anak Raja Ali.



Gambar : Masjid Naning yang baru dan dibina di tapak masjid Naning yang lama. Mesjid ini dirasmikan pada 8.3.1956 oleh Y.A.B. Encik Ghafar Baba.



Gambar : Kubur seorang Lefternen dan dua orang sepoi yang terbunuh di dalam peperangan tersebut. Terletak di bandar Alor Gajah, iaitu di belakang Sekolah Rendah Inggeris Alor Gajah, Namun demikian tidak ada sebarang kenyataan tentang nama-nama mereka. Namun demikian berdasarkan penganalisaan penulis kubur itu mungkin kubur Lefternen White dan dua orang sepoi yang terkorban dalam peperangan peringkat pertama iaitu pada 20.8.1831.

daripada regimen 29 yang telah diarahkan membantu pasukan Kapten Wyllie yang terkandas di Sungai Petai. Pasukan ini juga mendapat serangan dari angkatan orang-orang Melayu yang telah menyebabkan seorang tentera Inggeris terbunuh dan seorang kuli Cina yang tercedera serta bekalan makanan mereka telah dirampas.⁴⁰ Pada keesokkan harinya iaitu kira-kira pukul tiga pagi 15hb, Ogos, 1831 Kapten Wyllie bersama-sama pasukannya mulai berundur ke Melaka bilamana akhirnya mereka tiba ke Melaka pada 16hb. Ogos, 1831.

Walaupun pasukan Kapten Wyllie telah tiba di Melaka tetapi di markas Sungai Petai masih lagi kedapatan beberapa orang sepoi dari angkatan kompeni Inggeris yang ditinggalkan di situ. Mereka sentiasa diserang oleh orang-orang Naning yang sebelum itu mendirikan kubu-kubu berhampiran dengan hutan yang terletak tidak berapa jauh dari markas orang-orang Inggeris.⁴¹ Oleh itu untuk membantu pasukan di Sungai Petai ini, satu lagi angkatan kompeni tambahan telah dihantar di bawah pimpinan Kapten Hibgame bersama-sama dengan seratus dua puluh orang salah. Mereka bertolak dari Melaka ke Sungai Petai pada 20hb. Ogos, 1831.⁴² Sebelum itu iaitu pada 19hb. Ogos, 1831, Gabenor Negeri-Negeri Selat

⁴⁰P.J. Begbie, op.cit., hal. 183.

⁴¹Yunus Nordin, keterangan tentang persediaan orang orang Naning menentang Inggeris, wawancara pada 13hb. Sept. 1982.

⁴²Singapore Chronicle, Khamis, 8hb. Sept. 1831.

Robert Ibbetson bersama-sama pasukan kecil regimen 29 dan empat puluh orang dari pasukan H.M. Marines telah tiba di Melaka.⁴³

Pasukan tambahan yang dipimpin oleh Kepten Hibgame juga menghadapi kesulitan untuk meneruskan perjalanan mereka ke Sungai Petai kerana orang-orang Naning sering melakukan serangan yang bertalu-talu ke atas mereka. Serangan orang-orang Naning itu telah menyebabkan dua orang sepai terbunuh dan beberapa orang dari Regimen ke 29 serta seorang lefternen mengalami kecederaan. Angkatan itu berjaya juga sampai ke markas ke Sungai Petai pada kira-kira pukul 2.45 petang. Setibanya mereka di markas tersebut Lefternen White yang mengalami kecederaan tadi terkorban dan di tanamkan di Sungai Petai. Selepas itu persiapan telah diatur untuk berangkat balik ke Melaka. Oleh sebab itu, pada 22hb. Ogos, angkatan perang Inggeris itu bersama-sama tujuh puluh orang tentera dan sembilan orang yang cedera telah berundur ke Melaka.⁴⁴

Pihak kompeni Inggeris kemudiannya sekali lagi menghantar satu pasukan penyelamat ke Sungai Petai pada 23hb. Ogos. Pasukan ini terdiri dari enam puluh orang sepai dan lima puluh orang salah. Mereka bertolak dari Melaka di bawah pimpinan

⁴³ SSR.RI, Ibbetson kepada George Sivinton Ketua Setia usaha Pemerintah Fort William, 19hb. Ogos, 1831.

⁴⁴ P.J. Begbie, op.cit., hal. 185

Lafternen Hurlock. Ini adalah merupakan pasukan bantuan Inggeris yang ke empat telah dihantar ke Sungai Petai untuk mengemaskan segala peralatan yang masih tertinggal di markas tersebut. Pasukan ini tiba di markas mereka pada kira-kira pukul lapan pagi. Setibanya mereka di markas itu, Lafternen Hurlock bersama-sama dengan pengikutnya telah mengemaskan barang-barang untuk berundur dengan segera. Barang-barang yang dirasakan tidak berapa perlu seperti senjata dan peluru telah ditanamkan. Manakala ubat-ubat bedil pula telah dimusnahkan. Kubu-kubu pertahanan mereka serta bangunan kerajaan itu telah dibakar. Setelah persiapan terakhir selesai pasukan tersebut telah berundur ke Melaka pada pukul lapan malam. Orang-orang Naning terus juga menyerang pasukan Inggeris dan berjaya menawan tujuh orang salah. Ketujuh-tujuh orang salah itu di bawa balik ke Naning dan enam orang dari tujuh orang salah itu dijatuhkan hukuman mati manakala seorang darinya tidak dibunuh kerana beragama Islam. Orang-orang Naning mengikut pergerakan pasukan kompeni itu hingga ke Bukit Rambai di mana mereka telah memusnahkan lima buah rumah dan merosakkan tanaman orang-orang Cina di situ. Kemudian orang-orang Melayu Naning balik semula ke Naning dan singgah sebentar di Sungai Petai. Di sini mereka telah menemui senjata serta peluru yang ditanam serta dua buah meriam tembaga dari jenis enam paun. Semua barang-barang ini dibawa balik ke Naning.⁴⁵

⁴⁵Lihat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op.cit., hal. 352

Pengunduran angkatan bersenjata Inggeris dari Naning benar-benar telah menggembirakan penduduk Naning. Mereka telah dapat menewaskan suatu kuasa yang tamak dan sombong terhadap orang-orang Melayu. Walaupun pasukan Inggeris terdiri dari angkatan bersenjata yang lebih terlatih dari orang-orang Naning sendiri tetapi mereka gagal di dalam peperangan peringkat pertama itu. Keadaan ini adalah justru kerana kedhaifan pihak kompeni Inggeris terhadap keadaan mukabumi wilayah Naning dan strategi orang-orang Naning telah menyukarkan lagi perjalanan pasukan kompeni Inggeris dengan cara menebang pokok-pokok yang terdapat di tepi-tepi jalan yang menjadi laluan pasukan kompeni Inggeris. Di samping itu pasukan Inggeris juga terpaksa bersusah payah merempuh hutan rimba yang tebal dan mengharung paya serta sawah padi, kerana ketika itu jalan ke Naning hanyalah melalui jalan-jalan denai sahaja.⁴⁶

Kekalahan orang-orang Inggeris di tangan orang-orang Melayu Naning benar-benar telah menjatuhkan maruah pihak kompeni Syarikat Hindia Timur Inggeris sebagai sebuah sebuah kuasa kolonial yang besar. Oleh itu bagi menaikkan semula imej mereka pihak kompeni Inggeris telah merancang untuk membuat serangan bagi kali keduanya.

Sebelum sebarang keputusan dibuat untuk mengadakan

⁴⁶Yunus Nordin, keterangan tentang Perang Naning 1831, wawancara pada 31hb. Oktober, 1982. Shahabudin Ahmad, keterangan tentang sebab-sebab kekalahan pasukan Inggeris, wawancara pada 3hb. Dis. 1982.

serangan kali kedua ke atas wilayah Naning pihak kompeni Inggeris telah cuba memujuk dan merayu supaya Datuk Dol Said menyerah diri dan bekerjasama dengan mereka. Beliau telah ditawarkan dengan pencen serta melakukan beberapa keistimewaan lain supaya beliau berhenti dari melakukan penentangan terhadap segala arahan dan aktiviti yang akan dijalankan oleh pihak kompeni.⁴⁷ Tetapi segala pujukan dan rayuan ini ditolak mentah-mentah oleh Datuk Dol Said.

Selain dari itu ada juga kenyataan yang menyebutkan bahawa pada 12hb. Februari, 1832, penghulu Datuk Dol Said telah menghantar sepucuk surat kepada J.B Westerhout Esq di Sungai Petai untuk mengadakan pertemuan secara peribadi. Beliau juga dikatakan ingin menyerahkan semula senjata-senjata yang dapat dirampas pada masa peperangan peringkat pertama dahulu. Namun demikian Westerhout menolak dengan alasan supaya senjata-senjata tersebut diserahkan di Melaka.⁴⁸ Bagi penulis, sebagai seorang pemimpin yang tegas dan teguh pendiriannya, adalah mustahil Datuk Dol Said ingin berbuat demikian kerana jika dilihat kepada jangkamasa perjuangannya yang terlalu lama serta tindakan tegasnya menentang Inggeris sudah tentu beliau tidak akan mudah men-

⁴⁷ Shahabudin Ahmad, keterangan tentang riaksi pihak kompeni Inggeris selepas peperangan peringkat pertama, wawancara pada 3hb. Disember, 1982.

⁴⁸ P.J. Begbie, op.cit., hal. 202.

menyerah kalah. Tambahan pula orang-orang Naning sendiri telah dapat membuktikan bahawa mereka sanggup menentang dan menewaskan pasukan kompeni Inggeris pada tahun 1832.

Serangan Inggeris bagi Kali Kedua

Setelah pihak kompeni Inggeris gagal dalam peperangan peringkat pertama dahulu dan gagal memujuk Datuk Dol Said, maka mereka telah mengkaji tentang sebab-sebab kegagalan mereka di dalam peperangan tersebut. Hasil dari penelitian itu, mereka dapati terdapat tiga sebab utama kegagalan mereka . Pertamanya ialah kerana orang-orang Naning mendapat bantuan dari daerah-daerah di sekitarnya seperti Rembau, Sungai Ujung, Gemencih, Sri Menanti, Linggi dan Johol.⁴⁹ Sebab keduanya pula ialah kerana keadaan sistem perhubungan atau jalan ke Naning yang terlalu buruk serta keadaan muka bumi nya yang berpaya-paya dan berhutan tebal. Faktor ketiganya pula adalah disebabkan oleh pengaruh Datuk Dol Said yang terlalu kuat di kalangan anak-anak buahnya, di samping mendapat bantuan dari ketua-ketua suku untuk meningkatkan lagi pengaruh beliau di mata penduduk Naning.⁵⁰

Menyedari akan ketiga-tiga sebab kekalahan mereka di

⁴⁹Lihat C.O. Blagden, 'Malay Document Relating...op.cit.., hal.326. Surat Ibbetson kepada Raja Ali, Datuk Penghulu Lela Maharaja dan Empat Suku Rembau, 3hb. Januari, 1832.

⁵⁰Ibid, hal. 330. Pelekat : tentang tawaran penangkapan Datuk Dol Said serta empat orang pengikutnya. Lihat LAMPIRAN ()

di tangan orang-orang Naning, maka pihak kompeni Inggeris telah menyusun semula strategi mereka dengan lebih rapi dan teratur. Langkah pertama yang mereka lakukan ialah menghantar surat kepada ketua-ketua luak yang turut membantu Datuk Dol Said di dalam peperangan peringkat pertama dahulu. Di dalam suratnya Gubernur Ibbetson ada menyebut bahawa ;

" Governor Inggeris telah tentulah akan memukul Naning yang dekerhaka kepada tuannya tetapi tiada mahu membuat pergaduhan kepada negeri yang lainnya jikalau tiada menolong kepada orang-orang Naning itu....." 51

Sebelum itu Residen Konsular Melaka juga telah menghantar surat kepada Raja Ali Rembau dan menyangkal bahawa terdapat ura-ura bahawa pihak kompeni Inggeris akan menentang Rembau selepas mengalahkan Naning. Oleh kerana sifat tamak Raja Ali kepada pangkat dan wang maka beliau telah menerima pujukan pihak kompeni Inggeris itu. Beliau telah menarik tentera-tentera yang dipimpin oleh Sayyid Syaaban dari medan pertempuran.⁵² Sebenarnya pengunduran tentera ini dibuat sebaik sahaja pihak kompeni Inggeris menawarkan wang sebanyak \$500.00 kepada Raja Ali.⁵³

Kemudian pada 20hb. Januari, 1832, pihak kompeni Inggeris telah menguatkan semula perjanjian di antara mereka

⁵¹ Ibid, hal. 327-328.

⁵² T. Braddell, op.cit., hal. 210

⁵³ Abdullah Zakaria bin Ghazali, 'Perjuangan orang-orang Melayu Naning.....' op.cit., hal. 20

dengan orang-orang Rembau dan meminta orang-orang Rembau membantu mereka.⁵⁴ Bagi membuat perjajian ini, pada 18hb. Januari, 1832 satu pasukan dari kompeni Inggeris bersama dengan Gabenor Negeri-negeri Selat iaitu Robert Ibbetson , W.T. Lewis Timbalan Residen Melaka, J.B. Westerhout dan Kapten Hibgame dengan diiringi oleh beberapa orang sepoi telah pergi ke Rembau. Setelah mengadakan perbincangan selama tiga jam kedua-dua pihak telah menandatangani perjanjian tersebut. Orang-orang Rembau diwakili oleh Raja Ali, Sayyid Syaaban, Penghulu Rembau, Lapan Suku dan seratus lima puluh puluh orang tentera Rembau.⁵⁵ Dengan termeterinya perjanjian ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan pertahanan orang-orang Naning pada masa pihak kompeni Inggeris melakukan serangan.

Selain dari itu, bagi menjamin perjalanan tentera dengan lebih licin pihak kompeni telah berusaha membersihkan dan membesarkan jalan yang akan dilalui. Beberapa orang kuli telah digaji untuk selama beberapa bulan bagi melaksanakan tugas-tugas seperti menebang dan membersihkan jalan. Dalam masa satu bulan mereka hanya dapat membuat jalan-jalan tersebut sejauh tiga hingga empat batu sahaja . Oleh kerana jalan-jalan untuk ke Tabuh itu terlalu sukar untuk dilalui, maka mereka terpaksa membuat jalan selebar enam ratus kaki serta menutup lopak-lopak dan membakar

⁵⁴Lihat P.J. Begbie, op.cit., hal. 194; L.A. Mills, op.cit., hal. 126.

⁵⁴Ibid, hal. 200.

semak-semak yang terdapat di tepi jalan tersebut.⁵⁶

Pada masa Perang Naning peringkat pertama dahulu Penghulu Datuk Dol Said mendapat pengaruh dan bantuan yang kuat dari penduduk-penduduk tempatan sendiri. Untuk memastikan bahawa orang-orang Naning tidak lagi membantu Datuk Dol Said, pihak kompeni Inggeris terlebih dahulu telah mengeluarkan kenyataan supaya orang-orang Naning merobohkan kubu-kubu yang telah dibina serta mengeluarkan segala barang-barang atau ternakan yang diletakan di dalam kubu-kubu tersebut. Kerana kubu-kubu itu akan dimusnahkan apabila pasukan kompeni menemuinya.⁵⁷ Sebelum itu iaitu pada 9hb. Februari, 1832, satu pengumuman telah dikeluarkan supaya orang-orang Naning tidak turut terlibat di dalam peperangan dengan Datuk Dol Said itu.⁵⁸ Di samping itu satu tawaran istimewa juga telah dikeluarkan di mana ganjaran akan diberi kepada orang yang dapat menyerahkan Penghulu Datuk Dol Said serta pengikut-pengikut setianya kepada pihak kompeni Inggeris di Melaka. Pelekat itu berbunyi demikian ;

"Memberitahu bahawa balatentera kompeni hendak naik

⁵⁶ Lihat L.A Mills, op.cit., hal. 127; lihat juga Shahabudin bin Ahmad, Sejarah Naning, (belum diterbitkan lagi), hal. 70.

⁵⁷ C.O. Blagden, 'Malay Document Relating....op.cit., hal. 329 . PELEKAT yang dikarang pada 29hb. Feb. 1832. Lihat Lampiran D .

⁵⁸ Ibid, hal.329-330.

ke Naning akan hendak mengalahkan kepada yang hendak membuat derhaka di Naning itu. Maka adalah diberitahu kepada segala orang yang ada tinggal di dalam daerah Naning itu atau mereka-mereka yang ada tinggal di dalam daerah-daerah yang ada dekat-dekat itu jikalau ada ia tinggal dengan diamnya atau dengan pekerjaannya yang selama ini takdapat tiada melainkan dipelihara oleh officer Government akan rumah tangga dan anak bini, harta benda sekeliannya itu....siapa yang boleh menangkap dan membawa kepala derhaka yang tersebut di bawah boleh menerima upahnya seribu ringgit besar...

Dol Siad

..... boleh menerima upah seribu ringgit besar.." 59

Jika diperhatikan langkah-langkah pihak kompeni Inggeris ini jelas menunjukkan bahawa mereka terlebih dahulu cuba mengkaburi mata-penduduk-penduduk Naning supaya tidak membantu Datuk Dol Said. Keadaan ini adalah justru kerana mereka mengetahui bahawa kekuatan Datuk Dol Said terletak kepada pengaruhnya itu.

Selain dari itu sebelum pasukan kompeni Inggeris memulakan serangan mereka ke Naning, pemerintah Inggeris di Melaka telah menyediakan satu angkatan tentera yang besar . Angkatan ini terdiri dari regimen ke 5 Native Infantry, satu kompeni rifle , dua kompeni Sappers dan Miners serta pasukan meriam yang lengkap. Angkatan ini diketuai oleh Lefternen Kernel C. Herbert. Beliau telah dibantu oleh J.S. Wyllie,...

⁵⁹Tidak lama kemudian tawaran ini meningkat menjadi dua ribu ringgit. Lihat Lampiran E iaitu PELEKAT bertarikh 24hb. July, 1832. Lihat juga Lampiran D

⁶⁰P.J. Begbie, op.cit., hal. 200.
Kepada Datuk Dol Said.

Lefternen J.H. Bell, Kapten F. Bond, Lefternen Milnes dan Major P. Farquharson.⁶¹

Sementara itu Datuk Dol Said dengan dibantu oleh dua orang panglimanya iaitu Panglima Nitam dan Panglima Arif telah bersedia membuat beberapa sekatan jalan di tempat yang bakal dilalui oleh pasukan kompeni Inggeris. Mereka memasang berbagai-bagai jerat dan ranjau (jerangkap samar) iaitu dibuat dari bambu runcing yang ditanamkan di dalam lubang. Di atasnya dibubuh dengan kayu atau ranting-ranting kering yang boleh membawa maut kepada sesiapa yang melaluinya.⁶² Selain dari itu orang-orang Melayu Naning juga menggunakan senjata keris, tombak, parang panjang dan pedang. Mereka juga menggunakan senjata yang ditinggalkan oleh pihak kompeni Inggeris dalam peperangan peringkat pertama dahulu. Kubu-kubu telah dibina di 'Bukit Pelubang' iaitu suatu bukit yang tidak berapa jauh dari Tabuh Naning.⁶³ Malahan Datuk Dol Said mengumpulkan kekuatan tenteranya dengan cara mendapatkan bantuan daripada beberapa orang panglima seperti Datuk Andika, Petah Melayu, Pendekar Tombie, Encik Muhammad dan Encik Had.⁶⁴

⁶¹ P.J. Begbie, op.cit., hal. 200

⁶² Shahabudin Ahmad, keterangan tentang persediaan orang-orang Naning menentang Inggeris, wawancara pada 3hb. Dis. 1982.

⁶³ Shahabudin Ahmad, op.cit., hal. 71.

⁶⁴ P.J. Begbie, op.cit., hal. 205, lihat juga C.O. Blagden, Malay Document Relatingop.cit., hal. 332-333. Surat Samuel Garling Residen Konsular Melaka kepada Temenggung Muar. Encik Had dan Encik Muhammad telah mengahntar bantuan seratus orang Segamat kepada Datuk Dol Said.

Serangan Kedua

Sepertimana di dalam peperangsn peringkat pertama(1831), pasukan kompeni Inggeris bergerak dari Melaka melalui jalan-jalan yang sama. Oleh kerana itu keadaan ini telah memudahkan lagi orang-orang Naning membuat persediaan menyerang pasukan kompeni. Destinasi utama pasukan kompeni Inggeris ialah Sungai Petai. Di-pertengahan jalan , mereka telah diserang oleh orang-orang Melayu yang menyebabkan beberapa orang ter'cedera. Namun demikian setelah menghadapi beberapa serangan dari prang-orang Naning terutama sekali dalam perjalanan ke Alor Gajah, di situ dilaporkan bahawa orang-orang Melayu Naning melakukan serangan serangan secara bertubi-tubi serta menyekat perjalanan pasukan kompeni. Mereka terus menerus menebang pokok-pokok di tepimjalan bagi menghalang pasukan kompeni itu dari terus mara ke Naning.

Di dalam serangan yang dibuat oleh pasukan kompeni Inggeris ini didapati beberapa orang dari pasukan Inggeris yang tercedera dan terkorban. Di antaranya termasuklah Lefternen Harding dan Ensign Walker.⁶⁵ Manakala Ensign White dan Thompson pula mengalami kecederaan.

Di dalam pasukan penyerang kali ini, pihak kompeni

⁶⁵T.J. Newbold, British Settlement Vol. 2, op.cit., hal.229. Lihat juga SSR RI, Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setia Pemerintah Fort William, 7hb. Mei, 1832.

Inggeris telah mengukuhkan kekuatan mereka dengan meletakkan beberapa orang yang berpengalaman di dalam peperangan di dalam pasukan tersebut. Misalnya di dalam pasukan itu terdapat kapten perang, lefternen dan Ensign. Pada 21hb . Februari, 1832 pasukan Company Rifle di bawah pimpinan Kapten Wilbolt telah⁶⁶ bersatu dengan pasukan yang dipimpin oleh Ensign Wright. Tiap-tiap satu gerakan yang diarahkan bertindak terdiri dari satu pasukan yang besar supaya mereka tidak mudah dikalahkan oleh angkatan orang Melayu Naning. Malahan Gabenor Negeri-Negeri Selat sendiri melibatkan diri di dalam peperangan kali kedua ini. Walaupun beliau tidak terlibat secara langsung di dalam peperangan tersebut, tetapi mereka telah mengadakan tinjauan di dalam menyusun strategi peperangan mereka. Pada 14hb. March beliau telah melawat Rumbia selama satu hari bersama-sama Lefternen Milnes. Di dalam perengkat ini pasukan kompeni Inggeris menunjukkan semangat yang berkobar-kobar untuk menentang orang-orang Naning.

Pada 3hb. April, 1832 pasukan kompeni Inggeris ketika berada di Sungai Petai mengalami keadaan yang mencemaskan apabila hujan turun dengan lebatnya. Banyak alat-alat kelengkapan mereka yang telah musnah , termasuklah ubat bedil. Jalan-jalan yang dibuat menyeberangi sawah padi telah dibanjiri oleh air . Oleh

⁶⁶P.J. Begbie, op.cit., hal.209.

itu kuli-kuli telah dihantar bersama-sama beberapa orang sepoi di bawah pimpinan Kolonel Herbert . Namun demikian sepoi-sepoi dan kuli-kuli itu mengalami kecederaan. Pada 8hb. dan 9hb. April, 1832 sepoi-sepoi dan kuli-kuli telah diarahkan supaya membersihkan pokok-pokok dan hutan-hutan yang mengarah ke Tabuh Naning di mana Datuk Dol Said membuat kubu utamanya.

Menurut beberapa orang tua-tua di Naning, sebelum peperangan ini bermula, Datuk Dol Said telah mendapat beberapa alat yang kurang baik sebagai tanda suatu bencana akan menimpa Naning. Tambahan pula 'tabuh kesaktian' mereka telah berbunyi tanpa berhenti-henti dan gemuruhnya sebagai tanda musuh akan datang menyerang. Justru itu Datuk Dol Said bersama-sama panglimanya yang bernama Panglima Arif dan Panglima Hitam mengadakan berbagai-bagi persediaan untuk menentang musuh. Beberapa serangan hendap telah diadakan. Kali ini mereka dapat mengumpulkan orang-orang Melayu seramai lebih kurang tujuh ratus orang.⁶⁷ Jumlah ini seterusnya dikatakan bertambah dan melebihi angka seribu orang.⁶⁸

Walaupun sehingga 29hb. March, 1832 pasukan kompeni Inggeris telah dapat memusnahkan lebih kurang dua puluh tiga buah kubu orang-orang Naning, namun demikian pasukan kompeni Inggeris masih lagi berada di dalam keadaan yang mencemaskan. Ianya terbukti

⁶⁷ SSR. RI, Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 25hb. April 1832.

⁶⁸ SSR. RI. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Fort William, 7hb. Mei, 1832.

apabila lebih banyak lagi bantuan tentera telah dihantar ke Naning bagi membantu pasukan Inggeris menjalankan operasi mereka. Umpamanya bantuan lima puluh orang salah yang telah didatangkan dari Melaka untuk membersihkan jalan-jalan yang menghala ke Naning yang dipenuhi oleh pokok-pokok yang tumbang. Bantuan juga diminta⁶⁹ dari pasukan Inggeris yang bermarkas di Moulmein, Burma. Manakala⁷⁰ bantuan lembu dan tentera dihantar dari Madras. Bantuan senjata pula dihantar⁷¹ dari Melaka. Melihatkan kepada bantuan-bantuan yang telah dihantar ke Naning jelas menunjukkan bahawa pasukan kompeni Inggeris dalam keadaan bahaya.

Sebelum itu pasukan Inggeris mara dari satu mukim ke satu mukim yang lain sebelum mereka sampai ke Tabuh Naning. Pada 30hb. March, 1832 kira-kira pukul tiga pagi, seratus orang anggota tentera di bawah pimpinan Kapten Burgess bergerak dari Rumbia untuk menyerang Lendu. Kemudian dua pasukan lagi menuju ke Sungai Petai; satu ke Lendu dan satu lagi menuju ke Pengkalan Naning. Angkatan yang terdiri dari kompeni ke 5 Native Infantry yang diketuai oleh Lefternen Poole bergerak memasuki hutan berhampiran dengan Rumbia dan Tiba ke Perigi Datus di mana terda.....

⁶⁹T. Braddell, op.cit., hal. 208-209.

⁷⁰Straits Settlement : Original Correspondence, C.O.273 hal. 192; lihat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 2, op.cit., hal. 358.

⁷¹SSR.RI, Ibbetson kepada Residen Konsular Singapura, 2hb. April, 1832.

pat kubu-kubu orang-orang Melayu. Semua kubu-kubu itu dimusnahkan oleh pasukan kompeni Inggeris. Selepas itu pasukan tersebut terus bergerak ke Bukit Sebosah (Sebusuk ?). Ketika itu pasukan orang-orang Melayu telah menyerang pasukan yang diketuai oleh Ensign Thompson yang mengikut jalan hutan. Serangan ini dibuat bertubi-tubi. Pada masa itu pegawai-pegawai Inggeris merasakan kepala mereka dipukul dengan kuatnya sehingga mereka tidak sedarkan diri. Menurut P.J. Begbie, setelah pegawai-pegawai tersebut sedarkan diri, didapati angkatan orang-orang Naning begitu hampir dengan mereka dengan jumlah yang bertambah ramai. Akibat dari serangan ini didapati lebih enam orang dari pasukan Inggeris itu yang terkorban dan beberapa orang lagi tercedera, dari jumlah tentera seramai lima puluh empat orang semuanya. Pada keesokan harinya Kapten Justice dan Lefternen Poole tiba di situ bersama-sama pasukan mereka membantu pasukan Ensign Thompson yang diserang oleh orang-orang Melayu Naning.⁷²

Di peringkat ini orang-orang Naning mencapai kejayaan yang agak cemerlang juga.⁷³ Keadaan ini menyebabkan pegawai Inggeris meminta bantuan dari Melaka. Permintaan ini telah dipenuhi oleh pemerintah di Melaka dan ianya disertai dengan pengiriman beberapa pasukan dari Melaka ke Naning. Pada 17hb. Mei, 1832 tiba satu lagi pasukan tentera yang diketuai oleh Kapten A Wallace di Melaka yang

⁷²P.J. Begbie, op.cit., hal. 223.

⁷³Shahabudin Ahmad, keterangan tentang proses peperangan di perang Naning, wawancara pada 3hb. Dis. 1982. Menurut beliau, di antara lain perkara yang amat menghairankan pasukan kompeni Inggeris ialah apabila mereka beribu-ribu orang yang berpakaian serba kuning

dihantar khas dari Pulau Pinang . Gabungan dari beberapa pasukan Inggeris telah memperkuat lagi pertahanan pihak kompeni Inggeris. Pada 13hb. Mei, 1832 satu kompeni terdiri dari Native Infantry ke 46 di bawah pimpinan Kapten Sinnock dan Lefternen Minto telah bergabung dengan pasukan Native Infantry ke 14 yang dipimpin oleh Lefternen Liardet dan pasukan Native Infantry ke 5 di bawah pimpinan Lefternen Symes. Angkatan ini terus ke Bukit Sebosah⁷⁴ dengan dibantu oleh Sayyid Syaaban serta pengikut-pengikutnya.⁷⁵ Sesungguhnya pertahanan yang semakin kuat dari pasukan kompeni Inggeris serta tindakan Sayyid Syaaban yang memberikan bantuan kepada pasukan tersebut menyebabkan angkatan orang-orang Naning menjadi cemas.

Pembelotan Sayyid Syaaban dan Kejatuhan Naning di tangan kompeni Inggeris

Perjanjian yang ditandatangani di antara Raja Ali dengan pihak kompeni Inggeris telah mengikat Sayyid Syaaban untuk menyumbangkan bantuan kepada pasukan kompeni Inggeris untuk mengalahkan angkatan orang-orang Naning. Jika di dalam peperangan peringkat

datang menghala ke arah mereka . Walaupun mereka berusaha menembak ke arah orang-orang yang berpakaian serba kuning itu, namun jumlah-mereka bertambah banyak dan menggerunkan .

⁷⁴Bukit Sebosah ini mungkin juga dinamakan Bukit Sebusuk atau pun Bukit Penyalang yang terletak berhadapan dengan masjid Naning .

⁷⁵Lihat T. Braddell,op.cit., hal. 213; P.J. Begbie, op.cit., hal. 235.

pertama Sayyed Syaaban membantu Naning kerana takutkan pihak kompeni Inggeris akan menyerang Rembau. Di sebaliknya pula dalam peperangan peringkat kedua, beliau telah belot dan membantu pasukan Inggeris dengan harapan pihak kompeni memberikan ganjaran yang tidak ternilai kepadanya.

Pada 3hb. Mei, 1832 Sayyed Syaaban bersama-sama pengikut-pengikutnya telah bergerak menuju ke Melekek. Setibanya di Bukit Lanjut, pasukan Inggeris terpaksa bertempur dengan orang-orang Naning yang sedang berkubu di situ. Di dalam pertempuran tersebut dua orang dari angkatan Naning yang terkorban dan dua orang lagi yang tercedera.⁷⁶ Angkatan orang-orang Naning telah diburu oleh pasukan kompeni Inggeris di sekitar kaki Bukit Lanjut. Kecekapan orang-orang Naning menentang secara 'gurila' telah dapat mencederakan seorang pegawai Inggeris iaitu Ensign Walker dan dua orang sepoi. Ensign Walker yang tercedera itu mati dan dikebumikan di situ juga.⁷⁷ Pada 14hb. Mei, Sayyed Syaaban menyerang pula kubu-kubu yang terdapat di Pengkalan Naning.⁷⁸ Kemudian pada pukul lima pagi 25hb. Mei, 1832 bersama-sama dengan pasukan yang dipimpin oleh Kapten Poulton Ensign Stoddart, bersama-sama pengikutnya telah mara ke Bukit Sebosa untuk menyerang kubu-kubu orang-orang Naning. Di dalam serangan ini orang-orang Naning berjaya membunuh Kapten Poulton dan mencederakan lapan belas orang sepoi. Namun demikian kubu-kubu di bukit tersebut

⁷⁶P.J. Begbie, op.cit., hal. 233.

⁷⁷Ibid, hal. 234.

⁷⁸Ibid, hal. 235

dapat juga dimusnahkan oleh Kapten Justice dan Lefternen Minto dan Poole.

Satu tindakan yang amat merugikan orang-orang Naning di dalam peperangan di antara orang-orang Naning dengan pasukan kompeni Inggeris di peringkat kedua ini ialah tindakan Sayyid Syaaban memecahkan rahsia pertahanan mereka. Beliau telah membawa sebahagian besar dari pasukan kompeni Inggeris melalui bahagian Tampin ke Bukit Payung, kemudiannya ke Bukit Mocek dan terus ke Bukit Pelubang (Bukit Perling) iaitu sebuah bukit yang letaknya tidak berapa jauh dari Tabuh Naning. Keadaan ini tentunya mence- maskan Datuk Dol Said dan pengikut-pengikutnya, kerana pihak musuh telah menghampiri pusat pertahanan mereka.

Apabila pasukan kompeni Inggeris mulai menghampiri Tabuh Naning, Datuk Dol Said telah mengarahkan semua kanak-kanak dan orang-orang perempuan yang tinggal di situ supaya melindungi diri ke dalam hutan.⁷⁹ Datuk Dol Said telah membawa mereka ke dalam hutan yang terletak di sebelah utara Naning iaitu sebuah kampung yang didiami oleh sekumpulan orang-orang asli.⁸⁰ Oleh sebab itu apabila pasukan kompeni Inggeris sampai di Tabuh Naning

⁷⁹P.J. Begbie, op.cit., hal. 244. Shahabudin Ahmad, keterangan tentang langkah-langkah terakhir Datuk Dol Said menyelamatkan orang-orang Naning, wawancara pada 3hb. Dis. 1982.

⁸⁰Di hari ini kampung tersebut dinamakan 'Keru' iaitu mengambil sempaena nama ketua orang-orang asli yang tinggal di kawasan tersebut.

didapati kawasan tersebut tidak berpenghuni lagi. Justru itu Sayyid Syaaban telah membakar lebih kurang sembilan belas buah rumah dan berjaya menangkap dua orang pengikut Datuk Dol Said.⁸¹ Setelah pasukan yang diketuai oleh Sayyid Syaaban hampir tiba di Naning, terdapat sekumpulan orang-orang Melayu yang melakukan serangan : ke atas pasukan mereka. Serangan ini menyebabkan dua orang sepoi terbunuh dan tiga orang lagi cedera.

Pada 16hb. Mei, 1832 pihak kompeni Inggeris sampai di Sebang di mana mereka telah diserang oleh Datuk Membangun serta Dua Suku Sebang. Namun demikian kumpulan kecil orang-orang Naning itu dapat ditewaskan oleh Sayyid Syaaban dan Leftenan Milnes. Manakala Pendikar Tombie berjaya melarikan diri.

Selain dari itu disamping mengadakan serangan ke atas Naning, pihak pemerintah Inggeris di Melaka bertindak menyekat Sungai-sungai Linggi, Muar dan Sungai Kesang. Tindakan ini dilakukan adalah berikutan dari berita yang mengatakan bahawa orang-orang Naning mendapat bantuan senjata dan makanan melalui sungai-sungai tersebut.⁸² Oleh sebab itu pada 9hb. Jun, 1832 kerajaan Melaka telah mengeluarkan pengistiharan supaya sungai-sungai tersebut ditutup buat sementara waktu.

⁸¹Lihat SSR. RI, Ibbetson kepada George Sivinton, Setiausaha Pemerintah Fort William, 17hb. Mei, 1832.

⁸²C.O. Blagden, op.cit., hal. 333-334. Surat Samuel Garling Residen Konsular Melaka kepada Raja Ali Rembau, Datuk Kelana Sungai Ujung, Penghulu Johol, Temenggung Muar, 29hb. Mei, 1832. Lihat juga LAMPIRAN F

Pada 15hb. Jun 1832 Sayyid Syaaban bersama-sama Kapten Wyllie, Kapten Bond dan Brigadier Herbert telah tiba di Tabuh, di mana terletaklah tempat kediaman Datuk Dol Said. Tetapi oleh kerana rumah tersebut tidak ada orang yang mendiaminya lagi, maka pasukan kompeni Inggeris telah membakar rumah tersebut serta beberapa buah rumah lain yang berhampiran. Selain dari itu pasukan ini juga telah menemui dua buah meriam tembaga jenis enam paun yang telah diambil oleh orang-orang Melayu Naning di Sungai Petai dalam tahun 1831 dahulu.⁸³

Kejayaan pihak kompeni Inggeris sampai ke pusat pentadbiran orang-orang Naning ini menandakan pasukan tersebut telah dapat mengalahkan orang-orang Melayu Naning walaupun tanpa memerlukan satu proses dan tahap-tahap yang mencemaskan untuk menakluki pusat pemerintahan tersebut. Namun demikian kita harus sedar bahawa kejayaan pasukan kompeni Inggeris ini adalah kerana bantuan dari orang Melayu sendiri iaitu dari orang-orang Rembau sendiri yang diketuai oleh Sayyid Syaaban.⁸⁴

Penghulu Datuk Dol Said yang melarikan diri bersama-sama orang-orang Naning telah berundur di Kampung Miku dan berjumpa dengan orang-orang Naning yang terlebih dahulu lari ke situ dan membuat perkampungan baru. Kemudiannya Datuk Dol Said berjalan lagi hingga

⁸³SSR.RI? Ibbetson kepada kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 2hb. Mei, 1832.

⁸⁴Shahabudin Ahmad, keterangan tentang pembelotan Sayyid Syaaban, wawancara pada 3hb. Dis. 1982. Menurut beliau, Sayyed Syaaban

ke Gunung Pasir berhampiran dengan Sri Menanti.⁸⁵ Menurut setengah pendapat tujuan beliau ke kampung-kampung tersebut bukanlah untuk melarikan diri tetapi bertujuan untuk mendapatkan bantuan bagi menyerang semula kompeni Inggeris yang telah menduduki Naning.⁸⁶ Tetapi oleh kerana pihak kompeni Inggeris telah memperkuat pertahanan mereka, maka Datuk Dol Said tidak dapat berbuat apa-apa tindakan. Oleh itu beliau tinggal sahaja di luar Naning sehingga 4hb. Februari, 1833 apabila beliau menyerah diri kepada Birch Westerhout dan dibawa kepada Samuel Garling di Melaka. Akhirnya beliau diberikan sebuah rumah di Gajah Berang dengan pencen sebanyak 30 Rupee pada mulanya dan dinaikan menjadi 100 Rupee sebulan.⁸⁷


Di sepanjang hayatnya di Gajah Berang Melaka, Datuk Dol Said menjalankan beberapa aktiviti seperti berkebun, berniaga

bukan sahaja telah membantu Inggeris menyerang Tabuh, malahan beliau juga dikatakan telah memecahkan rahsia tentang cara-cara menghapuskan ilmu-ilmu ghaib yang diamalkan oleh Datuk Dol Said serta pengikut-pengikutnya. Beliau telah memecahkan rahsia tentang 'tabuh kesaktian' yang berbunyi sendiri itu. Bersama-sama pasukan kompeni Inggeris, Sayyid Syaaban telah menembak ke arah tabuh itu dengan menggunakan peluru tulang anjing dan tulang babi. Setelah tabuh itu pecah orang-orang yang berpakaian serba kuning yang turun dari Bukit Serban Kuning itu bersama-sama Naning yang turut menyerang pasukan musuh, turut ghaib serta merta. Menurut orang-orang Naning faktor inilah yang melemahkan pertahanan orang-orang Naning.

⁸⁵T.J.Newbold, British Settlement... Vol. 1, op.cit., hal. 229-230.

⁸⁶Baharam Azit, keterangan tentang Datuk Dol Said, wawancara pada 13hb. November, 1982.

⁸⁷Mubin Sheppard, 'The Tomb of Dato' Abdul Said... op.cit., hal. 35; Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op.cit., hal.358.



Gambar : Makam Penghulu Datuk Dol Said . Terletak di belakang Mesjid Naning di Simpang Empat Alor Gajah Melaka. Datuk Dol Said meninggal dunia pada bulan Ogos, 1849 di Melaka dan dikebumikan di Naning. Pembinaan makam dibuat pada tahun 1954 dengan perbelanjaan sebanyak \$500.00.

memelihara ternakan disamping menjalankan aktivitinya sebagai seorang duku⁸⁸. Pihak kompeni Inggeris telah memberikan layanan yang baik kepada beliau kerana sekiranya layanan seperti ini tidak diberikan atau beliau dijatuhkan sebarang hukuman, maka tentunya emej mereka di kalangan orang-orang Melayu umumnya dan orang-orang Naning khasnya akan dipandang rendah. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pengaruh yang terlalu kuat dimiliki oleh Datuk Dol Said. Sedangkan kekalahan pihak kompeni Inggeris dengan Naning itu sendiri telah cukup memalukan pihak tersebut. Mereka telah dapat dikalahkan oleh orang-orang Melayu pada tahun 1831 walaupun orang-orang Naning tewas pada tahun 1832.

⁸⁸ Lihat T. Braddell, op.cit., hal. 217. Datuk Dol Said meninggal dunia pada bulan Ogos, 1849 dan dikebumikan di Tabuh Naning.

BIBLIOGRAFISUMBER AWALAN

Annual Report on Education For The Year 1919, Singapore
Education Office, 1919.

Harvey, D.F.A., Notes On Naning Customs, Harvey Paper's,
MSS SP. 16/2/7, Arkib Negara Malaysia,
Kuala Lumpur, 5hb. Julai, 1892.

_____, Naning Customs of inheritance, Harvey
Paper's , MSS SP 16/2/8, Arkib Negara Malaysia,
Kuala Lumpur, 5hb. Julai, 1892.

_____, Note on boundries of Naning and Rembau,
Harvey Paper's, MSS SP. 16/2/11, Arkib Negara
Malaysia, Kuala Lumpur, July, 1892.

_____, Malay plan of Malacca and Naning boundries,
Harvey Paper's, MSS SP 16/2/9, Arkib Negara
Malaysia, Kuala Lumpur, July , 1892.

Malacca Annual Administration Report 1887, 1890 dan
1891.

Malacca Land Customary Rights Ordinance 1886, Section
6, 1886.

Mohd. Salleh (Datuk Naning), Adat Naning, Darihal
Pembahagian harta Pusaka, dalam Harvey Paper's,
MSSP SP 16/2/7, Arkib Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.

Mohd. Jaafar, Lapuran Tentang menyelidik Adat Naning,
dalam Harvey Paper's, MSS SP 16/2/8, Arkib
Negara Malaysia.

Straits Settlement Annual Report, 1886, Part I, 1886

Straits Settlement Blue Books, 1894, 1895, 1897, 1898
1900.

Straits Settlement : Original Correspondence , Malacca
Naning War, Chapter VIII, C.O. 273/1.

Straits Settlement Records 1800-1867, Singapore :
Printing Office.

The Constitution of Malacca 1957, Kuala Lumpur:

Jabatan Cetak Kerajaan , 1963

The Law of Straits Settlement (revised edition)

Vol. 1 1835-1900 , London : Waterlow & Son
Limited, 1920.

SUMBER PENDUA

Abdull bin Abdul Kadir Munshi, Hikayat Abdullah,
Jilid 2, Kuala Lumpur : Pustaka Antara,
1963.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia,
Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975.

Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau dengan Negeri
Sembilan dari segi Sejarah dan Kebudayaan,
Seremban : Pustaka Asas Negeri, 1970.

_____, Negeri Sembilan Sejarahnya, Kuala
Lumpur: Utusan Melayu Berhad, 1968.

Allen R. Malaysia Prospect and Retrospect, Kuala
Lumpur: Oxford University Press., 1968.

Begbie, P.J., The Malayan Paninsula, Kuala Lumpur :
Oxford University Press, 1971.

Buyung Adil, Sejarah Johor, Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka, 1971.

_____, Sejarah Singapura, Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 1971.

- _____, Sejarah Alam Melayu, dikeluarkan oleh
Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran
Persekutuan Tanah Melayu, Singapore : Terbitan
Tiger Press, 1952.
- _____, Sejarah Negeri Sembilan, Kuala Lumpur :
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Cowan, C.D., Tanah Melayu Kurun ke Sembilan Belas,
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
1970.
- Hobson, J.A., Imperialism : A Study , London: George Allen
& Unwin Ltd. Museum Street, 1965.
- Emerson, R., Malaysia, Kuala Lumpur : University of Malaya,
1963.
- Hooker, M.B., Adat Law In Modern Malaya, Kuala Lumpur :
Oxford University Press, 1972.
- Ibrahim Yaacob, Sekitar Malaya Merdeka, Kuala Lumpur :
Kesatuan Malaya Merdeka Bahagian Penerangan
an , 1957.
- Jang Aisjah Muttalib, Pemberontakan Pahang 1891-1895,
Kelantan : Pustaka Aman Press, 1972.
- Jackson, J.J., Planters and Speculators Chinese and European
Enterprise Malaya 1786-1921 , Singapore :
University of Malaya, 1968.
- Muhd. Yusuf Ibrahim, Pengertian Sejarah, Kuala Lumpur :
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.
- Moor, J.H., Notices of The Indian Archipelago And Adjacent
Countries, Singapore : 1837.
- Nasroen, M., Dasar Falsafah Adat Minangkabau , Jakarta :
Bulan Bintang, 1971.
- Newbold, T.J., British Settlement In The Straits Malacca, Vol.II,
Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.

_____, Political and Statistical Account in
In The Straits of Malacca 1806-1850, Jilid II
1971.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur:
Penerbitan Utusan Melayu, 1976.

Rubin, A.P., International Personality of The Malay Paninsula,
Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya,
1974.

Shahba, Pesaka Naning, Kuala Pilah : The Sentosa Press,
1951.

Sheppard, M., The Budiman Memoirs of an Unorthodox Civil
Servant, Kuala Lumpur : Heinemann Education
Books, 1979.

Tan Ding Eing, A Potrait of Malaysia and Singapore :
Kuala Lumpur : Oxford University Press,
1977.

Tregonning, K.G., A History of Modern Malaya, Singapore :
Eastern Universities Press, 1964.

Turnbull, C.M., The Straits Settlement 1826-1867,
London: The Ethlone Press, 1964.

Winstedt, R.O., Malaya And It's History, Hutchin Son
University Library , 1969.

ARTIKEL

Abdul Samad Idris, 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih',
dalam Kerta Kerja Seminar Pensejarahan dan
Adat Perpatih, Negeri Sembilan : Majlis Belia
Negeri, 1974.

Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kebangkitan Anti-British di
Semenanjung Tanah Melayu dalam Malaysia :
Sejarah Proses Pembangunan, 1979.

- _____, Perjuangan Orang-orang Melayu Naning Menentang Inggeris 1831-1832, dalam Jurnal Sejarah, Universiti Malaya, Jilid XV, 1977/1978, Kuala Lumpur.
- Blagden, C.O., 'Minangkabau Customs Malacca' dalam JMBRAS, Vol. VIII, Part 2, Desember, 1930.
- _____, 'Appendix : Malay Documents Relating to Naning War' dalam JMBRAS, Vol. III, Part 2, November, 1925
- Braddel, T., 'Notes on Naning with a Brief Notice Of The Naning War', dalam JIAEA, Vol. I New Series, 1856.
- Emmanuel Gadinho de Eradia, 'Description of Malacca' dalam JMBRAS, Vol. 8, Singapore, 1938.
- Extract from a minute by Mr. Fullerton, Governor of The Straits Settlement, dates the 24th. of November, 1827 dalam JMBRAS, Vol. 13, 1884.
- Extract from A latter from the Honorable the Court of Director's, dates 30th. September, 1829 dalam JMBRAS, Jun, 1884.
- Harrison, 'Malacca In The Eighteenth Century- Two Dutch Governor Reports' dalam JMBRAS, Vol. XXVII, 1954.
- Hyde, A., 'Naning Terumba' dalam JMBRAS, Vol. 6, Part 4, November, 1928.
- Joseph, K.T., 'The British Period' dalam Illustrates Historical to Malacca, Malacca, 1973.
- Mohd. Amin Hassan, 'Tradisi Lisan Dan Usah Mengkaji Sejarah Tanah Air Kita' dalam Kerta Kerja Seminar Pengumpulan Pengajian dan Penggunaan Tradisi Lisan Di Malaysia, 29hb.-30hb. March, 1973.

- Mohd. Sharif bin Fakrh Hassan, ' Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di-Minangkabau, dalam Kertas Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, 1974.
- Sheppard, M., 'The Thomb of Dato' Abdul Said Dato' Naning, dalam Malaysia In History, Vol. 10, No. I, 1967.
- Maxwell, W.E., 'The Law and Customs of Land' dalam JSBRAS, No. 13, Jun. 1884.
- Parr, C.W., and Macray W.H., 'Rembau : It's History, Constitutions and Customs' dalam JMBRAS, Vol. 56, 1956.
- Ramsey, A.R., 'Notes on the Kampung official in the Alor Gajah District of Malacca 1932-1935' dalam JMBRAS, Vol. XXXIII, Part 3, 1950.
- Rev. Fr. Cardon, 'Portugese Malacca ' dalam JMBRAS, Vol. 12, Part 2, 1934.
- Robinson, R., and Gallagher. J., 'The Imperialism of Free Trade' dalam The Economic History Review, Vol. 6, No. I, 1953 .
- Winstedt, R.O., 'History of Negeri Sembilan ' dalam JMBRAS, Part 3, Vol. 12, 1934.
- _____, 'Keramat : Sacred Places and person's in Malaya, dalam Malaysian Branch Royal Asiatic Society Reprint, No. 4, 1877-1977.

AKHBAR DAN MAJALLAH

- Berita Harian, 18hb. Julai, 1968.
- Mastika, Mei, 1955.
- Mastika, Jun, 1955.

THESIS/LATIHAN ILMIAH

Dol Bahar bin Mohammad, Beberapa Aspek Hukum Adat dan Pentadbiran Di Naning (1900-1941) Unsur-unsur Demokrasi, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.

Habibah binti Ismail, Sejarah Bangi (1870an-1970an), Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982.

Maimunah binti Samat, Sistem Penghulu di Daerah Naning (Melaka), Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979.

Zainal Kling, Sistem Penghulu di Daerah Alor Gajah Melaka, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966.

SUMBER YANG TIDAK DITERBITKAN

Shahabudin Ahmad, Sejarah Naning, tulisan persendirian.

SUMBER LISAN

Abdul Rahman bin Isnin. Kenyataan tentang perjanjian yang dibuat oleh Raja Ali Rembau dengan pihak kompeni Inggeris. Wawancara pada 5hb. Sept. 1982.

Baharam bin Azit. Kenyataan tentang personaliti orang-orang Naning. Juga tentang sikap orang-orang Naning terhadap dasar cukai Inggeris di Naning. Wawancara pada 13hb. November, 1982.

Mohd. Syah bin Mohd. Said, Kenyataan tentang asal-usul Naning. Wawancara pada 10hb. Ogos, 1982.

Salim bin Isnin. Kenyataan tentang sistem bersuku di Naning. Juga tentang cara-cara perlantikan penghulu Naning. Juga tentang sistem kepercayaan orang-orang Naning. Wawancara pada 5hb. Sept. 1982.

Shahabudin bin Ahmad. Kenyataan tentang Adat Perpateh Naning. Juga tentang personaliti Datuk Dol Said, Proses Perang Naning. Juga tentang riaksi pihak kompeni Inggeris selepas peperangan di peringkat pertama. Kedudukan Datuk Naning selepas peristiwa Perang Naning, Juga tentang sistem pentadbiran di Naning. Tentang Pesaka Naning. Wawancara pada 13hb. November, 1982 dan 3hb. Disember, 1982.


Yunus bin Nordin. Kenyataan tentang asal usul Naning. Juga tentang sistem pemecahan suku di Naning, tentang sejarah Naning, Juga tentang sikap orang-orang Naning terhadap pemerintah Belanda di Melaka, sebab-sebab perang Naning berlaku, Tabuh Kebesar. Juga tentang bantuan Sayyid Syaaban kepada pasukan kompeni Inggeris dan tentang Datuk Penghulu Osman Kering. Wawancara pada 12hb. September, 1982.

SENARAI RESPONDEN

- Nama : Abdul Salim bin Isnin
- Tarikh lahir : 1923
- Pendidikan : Sekolah Melayu
- Pekerjaan : Bersawah Padi
- Tarikh wawancara : 5hb. September, 1982.
- Alamat : Batu 13, Kampung Sungai Petai,
Alor Gajah, Melaka.
- Nama : Baharam bin Azit
- Tarikh lahir :
- Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
Universiti Malaya.
- Pekerjaan : Penolong Pengarah Pelajaran Melaka.
- Pengalaman : Memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris pada
tahun 1963 dan menjadi guru dari tahun 1965
hingga 1974 sebelum memasuki Universiti
Malaya pada tahun tersebut. Mempunyai
pengalaman di bidang penulisan sejarah.
Telah menulis lebih kurang 200 artikel yang
diterbitkan dalam Jernal Sejarah dan majallah.
- Tarikh lahir : Menghasilkan 4 buah-buku yang berkaitan
dengan pelajaran sekolah-sekolah. Di dalam
artikel-artikelnya beliau menulis tentang
sejarah Negeri Melaka. Membuat beberapa
penyelidikan tentang sejarah negeri Melaka.
- Tarikh wawancara : 13hb. November, 1982.
- Alamat : Batu 15, Mukim Merlimau,
Jasin, Melaka.


Nama : Hj, Mohd. Yunus bin Nordin.
 Tarikh lahir : 1887.
 Pendidikan : -
 Pekerjaan : Kerja Kampung.
 Pengalaman : Pernah menjadi polis di Melaka semenjak tahun 1911 hingga 1914.
 Menjadi Datuk Pawang Negeri yang bertugas memanggil orang-orang kampung apabila upacara 'berpua' diadakan dan beliau yang akan menjalankan upacara/tersebut, apabila pekerjaan bersawah akan dimulakan.
 Beliau pernah terlibat di dalam soal perlantikan Datuk Naning, serta pernah menjadi buruan pengganas komunis.
 Beliau ada menyimpan teromba Naning dan mengetahui tentang sejarah adat Perpatih Naning.
 Tarikh wawancara : 29hb. Oktober, 1982 dan 12hb. September, 1982.
 Alamat : Kampung Cerana Putih Naning, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka.
 Nama : Said bin Abdullah
 Tarikh lahir : 1917
 Pendidikan : Sekolah Melayu
 Pekerjaan : Pesara
 Pengalaman : Pernah memasuki peperangan di Singapura dalam bahagian meriam. Pernah dikurniakan pingat pada masa perkhidmatannya dengan Sir Herold Temple

- Tarikh wawancara : 12hb. September, 1982.
- Alamat : Simpang Empat,
Alor Gajah, Melaka.
- Nama : Shahabudin bin Ahmad
- Tarikh lahir : 1909
- Pendidikan : Sekolah Melayu dan Inggeris
- Pekerjaan : Pesara
- Pengalaman : Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah
Malaysia cawangan Ulu Langat.
- Mempunyai minat di bidang penulis-
sejarah tempatan. Merupakan anak
jati Naning dari Suku Semelenggang.
Menulis artikel dan pernah disiarkan
di dalam majalah Mastika dan Berita
Harian di tahun-tahun 50an. Mempunyai
pengetahuan yang luas di dalam sejarah
Naning dan pernah menerbitkan sebuah
buku bertajuk 'Pesaka Naning' dan
bukunya bertajuk 'Sejarah Naning'
masih lagi dalam proses penerbitan.
Nama singkatannya ialah 'Shahba'.
- Tarikh wawancara : 3/hb. Disember, 1982.
- Alamat : 7313, Rumah Sri Naning,
Sungai Kantan Baru,
Kajang, Selangor.



yang dilakukan oleh angkatan orang-orang Melayu ke atas mereka.

7 Tabuh Naning



1- Pasukan Kompeni Inggeris mulai digerakkan pada jam 5 pagi 6/8/1831.

2- Serangan pertama diterima oleh pasukan kompeni.

3- Pasukan kompeni sampai pada jam 1 tengahari dan mereka singgah di rumah kerajaan yang dijadikan markas utama

4- Terdapat dua orang panglima Naning bersama-sama 20 atau 30 orang pengikut menyerang pasukan kompeni Inggeris. 2 orang Naning terkorban.

5- Serangan dilakukan oleh beberapa orang Melayu Naning

6- Pasukan kompeni tiba pada 9/8/1831. Mereka diserang dan seorang sepoi terkorban manakala seorang lagi tercedera.

7- Kubu utama pertahanan orang-orang Naning

△ Arah gerakan pasukan kompeni Inggeris dalam peperangan peringkat pertama.

→ Tempat-tempat yang mana angkatan orang-orang Melayu melakukan serangan ke atas pasukan kompeni Inggeris.

LAMPIRAN BSejarah Ringkas Adat Perpatih Naning

Bahawa inilah sejarah bagi kerajaan di dalam jajahan Naning adat yang terpakai padanya adalah disebutkan di dalam ini dengan ringkas sahaja kerana bukannya ahli bagi yang demikian.

Bahawa maka adalah hamba terjemahkan daripada Tok Penghulu Arung di dalam kampung Ramuan China Kechil dan hamba pungut pula daripada perkataan orang yang selimun-Intaha.

Bahawasanya ini selarilah susunan bagi adat pesaka Naning keturunan daripada Tok Pateh Pinang Sebatang yang dikukuhi oleh Sultan Hayatullah Pagar Ruyung di dalam negeri Minangkabau. Perbilangan pada zaman dahulu kalanya.

Bermula asal dengan usulnya selilit Pulau Perca Selem-bang Tanah Melayu Alam Minangkabau. Tanah terbalik sehelai akar putus sebatang kayu roboh. Itulah bukaan Datuk Selingka Alam di-Kolam Sarang Lama. Mengadakan anak tiga orang yang tua sekali Tok Temenggong. Tua duduknya di Kuala Sungai Tanjung ibu pada Medan yang baik ombak yang memecah pasir yang memutih, Tempat perahu bersusun-susunan, galah selang seli, tempat China timbang-menimbang, tempat Keling putar-memutar ialah yang memakai adat bagi hukum syara' yang dikukuhi Ugama Islam Wallahu'alam.

Bermula kisah yang dua anaknya yang tengah bergelar Tok Raja di raja duduk di tengah negeri laksana perhimpunan tali pusat jala tempat tombak berhuraian, tempat padang bersampaian ialah payung pepatah di dalam negeri akan menjadi gantang pen-yukat dacing penimbang bagi adat penghulu kata orang Wallahu'alam.

Bermula kisah yang ke tiga anaknya yang bungsu bergelar Tok Pateh Pinang Sebatang Duduknya sehulu Bukit Payung Jeram. Tinggi tempat batu yang mengampor, tempat air segantang selubuk, tempat pasir timbun menimbun, tempat sipapan berulang mandi, tempat sedangkang berulang tidur, tempat siamang berbunyi malam, tempat ungka bersayu hati, tempat pontianak berjeritan, tempat beruk berbuaian kaki, tempat kera berlompatan, tempat tupai turun naik, tempat enggang taklalap ranting ialah yang ialah yang menerima jawatan menteri yang pertama daripada Sultan Hayatullah Pagar Ruyung di dalam negeri Minangkabau dibawahnya ada empat orang menteri kecil bergelar Tok Singa Menguati dan Tok Singa Meludahi dan Tok Singa (?) dan Tok Singa (?) nanti akan datang deriteranya Wallahu'alam.

Sekali peristiwa Allah Subhanawat'ala menunjukkan kekayaan di atas hambanya maka datanglah satu pembantahan antara Tok Pateh dengan Tok Temenggong sebab seekor anjing hitam namanya salah Serigala Kumbang yang punya Tok Temenggong menggigit anak Tok Pateh tiada dapat adatnya.

Kata Tok Temenggong gigit dibalas gigit kata Tok Pateh Jinjang berpampas bunuh berbalas antara keduanya itu tiada setuju itulah mulanya menjadi penceraian adat Pateh dengar adat Tok Temenggong. Wallahu'alam.

Bermula kisah Pateh membuat sebuah perahu pada fikirannya hendak keluar pada negeri itu. Adanya pada satu hari masuklah ia kedalam hutan memotong sebatang kayu yang hendak dibuatnya perahu dengan hal yang demikian sudahlah perahu itu. Kading-kading daripada dahannya, tiang daripada pusuknya, tali menali daripada kulitnya. Maka dibinanya perahu itu keliong Panjang

kesaktian kehendainya perahu itu orang sulung bunting sulung akan diperbuat galangnya pada hari yang diturunkan kelaut.

Maka lalulah Tok Pateh memanggil anaknya perempuan yang sulung bunting sulung hendak di buat galang perahu itu tatkala itu ananya Siti Permai yang sulung itu menangis lalu rebah pengsan tiada dikhabar akan dirinya maka bangunlah segala waris-waris disebelah perempuannya melarangkan Tok Pateh mengambil anak Siti Permai maka gemuruh bunyi ratap tangis orang tiada disangka bunyi sebab belas kasihan akan Siti Permai itulah Sebab mulanya kuat waris disebelah perempuan maka lalulah diambilnya anak kakaknya sanak ibu dibuatnya galang perahu itu lalulah ke dalam sungai Sumpu hal ini di dalam negeri Minangkabau tanah Pulau Sumatra.

Bahawasanya perkataan Tok Pateh anak di penggal maka anak buah disorongkan balas maka tatkala itu.....

Berbangkitlah suku 12 bagi mengukuhkan adat Tok Pateh itu katanya sanak itu sanak Datuk sanak nenek moyang tiada boleh bersenda barang siapa anak cucu ku mengubah adat ini di makan sumpah besi kami kelaut tak dapat minum kedarat tak dapat makan dan jikalau kelaut tumpah garam ke darat sial bagi tiadalah menjadi selamat adanya.

Adapun adat yang telah diaturkan di susunkan itu dengan beberapa kias dan kaedah daripada sebatang kayu yang dibuatnya perahu itu berbini belanja anak berupah bidancerai berkesudahan (?) beragih cari bagi dapatan tangkal pembawa kembali dan lagi bertimbang sama berat berbagi sama banyak ular dipalu

jangan mati pemalu jangan patah tanah tempat pemalu jangan lemas
 bang angin bertiup sejuk kulit adat berkata sejak hati itulah
 kias daripada ular sakti mana hujan berpohon hata berpangkal
 sakit bermula mati usul-usul asal pangkal jangan ditinggalkan
 maklumat berketumpu mencincang berlandaskan itulah kias daripada
 biawak bangkung Wallahu'alam.

Al-kisah maka tersebutlah perbilangan dan beraja luak
 berpenghulu suku ada tua anak buah beribu bapa orang bersemenda
 bertempat semenda di suruh pergi dipanggil datang yang buta di-
 buat pengambus lesung yang patah di buat penunggu jamuan.

Yang pekak dibuat pencucuh meriam, yang berani dibuat
 kepala lawan, yang cerdik teman berunding, yang bingung disuruh
 diarah itulah dibuat bilangan orang semenda bertempat semenda
 bermula takluk perbilangan suku yang 12 bukit sama di daki, lurah
 sama dituruni (?) sama rugi mendapat sama laba melompat sama patah
 terjun sama basah, berjalan serentak berlinggang berayun berdekat
 rumah berdekat kampung, sejembatan seperigi, selaman (sehalaman)
 sepermainan malu tiada boleh (di agih) malang tiada boleh di-
 hantarkan.

Tetapi dengan takdir Allah Ta'alah melakukan diatas
 hambanya, Mendapat untung baik dan jahat pada bilangan keduanya
 itu tiada bercerai dek ramai beragam (?) Menyelim untung sekali
 malang berturut-turut kata guringdam undang-undang 12 mara hinggap
 mara terbang mara menggesel sampai lalu enggang lalu ranting patah
 tergesel kena miang tergegar kena rebasnya terkurung mati tertanda
 berulang tertenggong lepas kata adat tetapi dengan timbangan sem-
 biang buluh dititik patah buluh di himpal ditempa kusut boleh di-
 selesai.

Warisnya menungkat jikalau tinggal ketua pembatal jikalau tinggal (?) menjadi, jikalau di buat meninggal bilangan yang tersebut itu sesat bagi adat fahamnya itu inilah adanya. Adapun yang menjadi kesalahan di antara kita manusia empat perkara pertama tersepak oleh kaki kedua tercapai oleh tangan ketiga berkata oleh mulut keempat terserunduk oleh kepala inilah yang mela- nggar undang-undang kerajaan menjadi salah amat besar atau pun kecil adanya.

Adanya pin yang di namakan undang-undang 12 bagi kerajaan Melayu yang dipakai di dalam Tanah Nanning akan menjadi pemimpin bagi keadilan adalah tersebut dibawah ini bilangannya.

- | | |
|---------------------------|--------------------------------------|
| 1- Cincang pakuh | ada tertanda terbit |
| 2- Kejar lelah | ada berikut |
| 3- Tikam bunuh | ada berdarah tangan. |
| 4- Rumbun bakar | ada berpuntung suluh |
| 5- Rebut rampas | ada tertanda di harta |
| 6- Curi samun | ada teratas dinding tergalang tiang. |
| 7- Kencang kecu | ada melindungi |
| 8- Tipu daya | ada terbayang |
| 9- Jemput antar (hantar) | ada pergi balik |
| 10- Ulur. | ada perpenjawatan |
| 11- Langkar langgi | ada terkejut bergempar |
| 12. (?) racun | ada berbisa makan. |

Sebagai lagi kebulatan segala lembaga yang 12 katanya membuat yang belum diberat dan membuang yang sudah di buat salah juga adat pesaka Naning.

Bermula kisah yang dinamakan Negeri Sembilan pada zaman dahulu kalanya pada perbilangan Batin Sekudai dan Batin Maha Galeng dan Bongsu Manik di dalam limbangan Tanah Melayu juga pertama Naning kedua Kelang, Ketiga Jelebu, Keempat Sungai Hujung, kelima Johol, keenam Segamat, ketujuh Rembau, kedelapan Pahang, kesembilan dibawah ini :-

- 1- Naning Datuk Seraja Merah
- 2- Kelang Tok Engku Qadi
- 3- Jelebu Datok Mendika Adil
- 4- Sungai Hujung Datok KelanaPutra
- 5- Johol Johan Pahlawan Lela Perkasa
- 6- Segamat Temenggong Kaya
- 7- Rembau Datok Lela Maharaja
- 8- Muar Datok Bendahara Kaya

Kasih akan dia. Wallahu'alam

Bermula bilangan takluk Negeri Sembilan itu beraja ke Johor bertali ke Siak bertuan Ke Minangkabau berpengkalan ke Melaka sebab asal dengan usulnya orang yang di dalam Negeri Sembilan itu datang dari Minangkabau itulah asal mualnya.

Tok Singa menguatkan membuka negeri di sebelah tepi pantai sempadannya hingga kedengaran ombak memecah yang mengalun dirinya aku ialah yang mengikuti bilangan adat Tok Temenggong sampai sekurang anak cucunya tiada memakai adat pesaka (?) tiada berpampas bunuh tiada berbalas, adat tiada berlukis berlembaga di patut-patutkan sahaja terkadang kena terkadang tidak jikalau sudah suka keduanya habis kisah sekeliannya begitulah halnya.

Ada pun Tok Singa Meludahi itu tiada meninggalkan anak cucu sebab umurnya pendek yakni mati muda belum ia mendapat anak ada pun kematiannya itu membunuh diri sebab malu ialah berjumpa orang menaruh menelentang orang bertukang didalam air hal ini di dalam perjalanan tatkala ia mencari tempat hendak buat negeri pada fikiran tiada boleh diburuk tuan dan atau di ceriterakan kepada kerajaan tiada boleh akan terima kepada akal orang yang (?) kata orang tentulah (?) semata-mata adanya. Ada pun Tok Singa Malindin itu telah membuat negeri sebelah (?) sekarang ada anak cucu tinggal di sana ialah mengikut adat Tok Raja di raja maka bunyi percakapan.

Ada pun Tok Singa Malindin itu tinggal di dalam Negeri Minangkabau Pagar Ruyung sampai sekurang anak cucunya tinggal di sana itulah yang datang menjadi hamba rakyat di dalam Negeri Sembilan ialah yang mengaku dirinya didalam percakapan dan di dalam yang memakai perbilangan adat Tok Pateh Pinang Sebatang seperti yang telah di sebutkan diatas itu kata orang tua-tua ada juga nenek moyang orang yang didalam Negeri Sembilan itu asalnya daripada orang bukit anak cucu Batin Sekudai dan Batin Mahagalang dan Bongsu Manik. Wallahu'alam.

Sebagai lagi haraplah hamba akan maaf dan ampunnya
kesalahan hamba didalam risalah ini tiadalah hamba panjangkan
kalam lagi hanya ini sahaja tamat lupa hari Selasa pada 19
haribulan Rabiul awal.

Sumber : D.F.A. Harvey, Notes On Naning Customs, MSS SP 16/2/9
dalam Harvey Papers, 5hb. Julai, 1892, Arkib Negara
Malaysia, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN C.

Isi kandungan Perjanjian di antara Residen British di Melaka dengan Penghulu Naning Datuk Dol Said.

Perjanjian Kolonel Taylor Komanden yang bersemayam di atas tahta kerajaan kota Negeri Melaka dengan segala hakimnya memberi surat kepada Seri Raja Merah Kapitan Dol Said dengan Lela Hulubalang dan Orang Kaya Kecil dan Membangun Kaya dan Maharaja Nan Kaya dengan Maulana Garang pengetua di Naning dengan segala daerahnya memberi sumpah dengan sukanya :

Perkara Pertama

Kapitan dengan penghulu yang tua-tua dengan nama segala orang Naning sudahlah bersumpah dengan sukanya dengan tahta kebesaran Tuan Besar di Inggeris lagi dengan Tuan General di Madras dengan segala hakimnya lagi dengan Gobenor dengan segala hakimnya di Melakakemudian jikalau orang lain datang memerintah demikian juga tiada berubah jikalau dengan hati betul kepercayaan maka masing-masing itu berbuat takluknya kepada tahta kerajaan di-Inggeris sudah menjadi kepercayaan maka hendaklah segala orang itu memegang perkataannya atas takluknya kepada kompeni maka segala orang itu jikalau bercerai-cerai duduknya atau bersama-sama perkataannya atas takluknya kepada kompeni maka segala orang itu muafakat berteguh-teguh dengan suatu kata seperti berhadapkan Allah dan RasulNya jangan berubah daripada hati yang suci seperti perjanjian dahulu sudah diperbuat perniagaan kepada tempat lain bersekutu dengan Kompeni menjadi kerugian sekarang buangkanlah perkataan itu .

Perkara Kedua

Tiap-tiap segala orang Naning daripada anak^M Minangkabau atau anak Melayu jikalau melalui ordi Sinyor Gobenor dengan segala hakim seperti yang tersebut itu maka hendaklah Kapitan dengan segala penghulu bawa orang itu ke Melaka kepada Sinyo Gobenor diberi (upahnya) hukumnya.

Perkara Ketiga

Kapitan dengan segala penghulu serta orang yang duduk di Naning daripada Minangkabau dan Melayu membayar kepada Kompeni beras padi atau buah-buahan kepada adat dahulu sepuluh satu maka kita sudah dengar dan kita sudah lihat orang itu banyak miskin maka segala hakim berkata kepada Kapitan atau seorang Penghulu disuruhkan kepada setahun sekali datang mengadap sebagai tanda takluknya seraya membayar padi tengah koyan kepada pertama tanamannya jadi itu.

Perkara Keempat

Segala orang yang duduk di Naning yang masing-masing yang duduk kepada kampung halamannya jika orang itu hendak ke-Melaka hendaklah dengan suatu tanda izin suatu surat daripada kapitan dengan capnya supaya ditunjukkan surat itu kepada Shahbandar demikian lagi jikalau orang Melaka hendak duduk di Naning hendaklah dengan suatu tanda surat daripada Shahbandar dengan tapak tangannya dengan ordi Sinyor Gabenor supaya ditunjukkan kepada kapitan jikalau tiada dengan tanda yang demikian jikalau orang Melaka disuruh ia pulang ke Melaka dan jikalau ia orang Naning disuruh pulang ke Naning yang sudah berolah pula dan jikalau orang Melaka yang pergi duduk ke Naning yang sudah beroleh izin boleh ia mendapat suatu tempat akan berbuat kebunnya bertanam sireh atau barang sebagai ditanamnya seperti adat orang sekalian berkebun demikianlah adat perentahannya

Perkara Kelima

lagi Kapitan dengan penghulu sudah berkata hendak berjaga timah yang datang dari Seri Menanti dan Sungai Ujong dan dari Rembau datang ke Naning atau dari tempat-tempat lain anak-anak sungai hendak dayaupayakan bawa ke Naning dihantar kan berbetul ke Melaka kepada kompeni maka orang yang empunya timah itu pada sebahara tiga ratus kati akan diberi harganya empat puluh empat rial dengan tunai diberi rupiah Surati.

Perkara Keenam

lagi sudah kata lada semua yang keluar di Naning jikalau ada sekiranya boleh banyak atau terlebih sedikit dibawa dan diberi harganya pada sebahara duabelas rial.

Perkara Ketujuh

Kapitan dengan penghulu dengan segala orang Naning tiada boleh berniaga dengan orang dari negeri lain lagi hendaklah semuanya jualannya dan perniagaanya dibawa ke hilir dari Sungai Melaka jangan dibawa ke Sungai Penajeh berniaga dan tiada boleh berjual beli dengan orang lain negeri sahaja dilaranglah sekali jikalau dapat orang begitu didenda barang-barangnyakena hukum di-atas beratnya.

Perkara kelapan

lagi Kapitan dengan penghulu berkata kalau sesuatu penghulu datang kepada masa ia keluar atau pada hal mati maka hendaklah pada antara itu barang yang lebih pengetahunnya yang terdekat kapitan datang ke Melaka kepada sinyor Gobenor dengan segala hakim tetapi orang itu tiada boleh dinamai kapitan kerana belum boleh ordi Sinyo Gabenor dengan segala hakim maka barang siapa yang hendak dijadikannya.

Perkara kesembilan

Barang siapa hamba kompeni atau hamba-hamba orang di Melaka yang lari pergi ke Naning atau kepada segala daerahnya maka kapitan dengan penghulu dengan segala orang ditangkap segera seorang pun boleh berculas hendaklah membawa orang itu kepada tuannya diberi upahnya sekali sahaja sepuluh rial.

Perka kesepuluh

Segala hamba orang dari Naning yang lari ke Melaka hendak masuk serani tuannya dapat setengah harganya jika lelaki atau perempuan demikianlah adatnya lagi sinyor Gobenor memberi ordi kepada dua orang Kometir beberapa patut harganya hamba itu maka diberi sebangah harganya.

Perkara kesebelas

lagi barang siapa membawa serani anak merdeheka atau hamba orang di Melaka dibawahnya dengan kerasnya atau dengan sukanya minta bawa dijualnya kepada orang Islam atau hendak di-khatankannya atau kepada lain bangsa agama jikalau orang yang membawa itu akan kesalahannya hilanglah badannya orang tua dengan segala barang-barangnya pun hilanglah sekali.

Perkara keduabelas

maka segala yang tersebut itu kapitan dengan penghulu sudah berkata dengan segala orang Naning bagaimana sudah sumpah dahulu itu hendaklah dipulangkan segala hamb a orang yang lari dari Melaka yang ada disanas semuanya hendaklah dibawa ke Melaka pad sinyor Gobenor diserahkannya.

Perkara yang Ketigabelas

Kapitan dengan segala penghulu dengan nama segala orang Naning sudah bersumpah kepada Duran al Adzin hendak memegang teguh teguh percubaan dari Sinyor yang bergelat General dengan segala hakimnya barang siapa tiada menurut ordi itu ditangkap orang itu diserahkan kepada kompeni supaya dapat didenda barang bapatutnya memberi kuat ordi ini maka membubuhkan tapak tangan di atas kertas ini dengan cap kompeni Inggeris

Demikianlah yang dikerjakan bersumpah dalambicara besar didalam kota negeri Melaka kepada tarikh enam belas hari bulan Julai sanat 1801 iaitu kepada tarikh empat hari bulan Rabiul Awal sanat 1216.

Kita kapitan dengan tua-tua sudah bercakap bersumpah akan ganti segala penghulu dengan nama segala orang Naning akan baik kepada kita dengan segala orang kerana Tuan Besar di Inggeris dengan Tuan Besar Kompeni Inggeris dengan Tuan General serta

hakim di Madras dengan tuan Gobenot dengan segala hakim didalam negeri Melaka daripada betul hati dengan kepercayaannya diberi ordinya ordi ini apabila datang lagi ordi yang lain itu pun hendaklah dipegang dengan hati yang suci teguh-teguh kita sekeliannya akan jadi hati betul pada taaluk kapada Tuan-Tuan itu.

Sumber : C.O.Blagden, 'Appendix : Malay Documents Relating to the Naning War', dalam JMBRAS, Vol. III, Part II, 1925, hal.299-302.

Tawaran Penangkapan Datuk Dol Said dan Empat orang
pengikut setianya.

PELEKAT

MELACCA

POLICE DEP.

Bahawa hala tentera company hendak kembali naik ke Naning akan hendak menggalakan kepada yang membuat derhaka di Naning maka adalah diberitahu kepada segala orang-orang yang ada tinggal di Naning itu atau mereka-mereka yang ada tinggal di dalam daerah yang ada dekat-dekat itu jikalau ada ia tinggal dengan diam nya atau dengan pekerjaannya yang selama ini terdapat tiada melainkan dipeliharaakan oleh Officer Government akan rumah tangga dan anak bini, harta benda sekeliannya itu... Jikalau ada demikian itu pada kemudian harinya nanti Government boleh membalaskan diatasnya itu dengan kebajikan jua... Jikalau tiada demikian itu dan dapar rumah tangganya tertinggal nescaya binasa lah menangkap serta membawa Dol Sa'aid orang yang kepala derhaka yang ada tersebut di bawah ini terdapat tiada melainkan bolehlah menerima upahnya seribu ringgit besar..... Dan lagi barang siapa yang boleh membawa pula orang-orang yang tersebut di bawah ini maka boleh menerima upahnya kepada seseorang dua ratus ringgit besar....

Seorang namanya Andika Suku Anak Melaka Di Naning
Dan seorang namanya Pita Melayu yang ada tinggal di-
Daerah Gajah Mati
Dan seorang namanya Pendekar Tambi yang ada tinggal
di Melaka Pindah
Dan lagi seorang Encik Mohammad dan Encik Had orang
Jamnati Tanah Muar


Terkarang pelekak ini kepada sembilan hari bulan Febuari
1832.

T. Tangan:

Sumber : Malacca Police Department, Arkib Negara Malaysia
Kuala Lumpur.

Tawaran Penangkapan Datuk Dol Said dan Empat orang
pengikut setianya,

خلکت



بجواب استرالمفتي هندو نائيل كمباله كنانينغ اكن هندو مغلاكن كندنيغ مبهوة درهك دنانيغ ايت
مكلا دلده بريتا هو كند سكال اورغ م يواد تغفل دنانيغ اكن م يواد تغفل ددالم دايغ يواد دكت
ايت جكلواد اي تغفل دغند ديمش اكن دغش فكم جانتنيغ سلام اين ندافه تباد مليشكن دقله هراكن
اوله افسير كو فرغنت اكن مرمه تغفاد ان انق سيني هوه بنده سكلين ايت
جكلواد دملكين ايت خدكدين هارين سنني كو فرغنت بوله مبالسكن ديانسن ايت دغش كيجيكن
جوا جكلواد دملكين ايت دان دانده مرمه تغفاد تر تغفل سنجاي بنسالد اوله بلا سنتر ايت
شمالان بارغسيان نيغ بوله منعكف سده مباد وودول سعيد اورغ نيغ كندلا درهك نيغلام
تر مبهوة دباوه ايت ندافه تباد مليشكن بوله مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه
نيغ بوله مباد وودول اورغ نيغ مبهوة دباوه اين مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه مرمه
سورغ غمان انديك سو كوانت ملاك دنانيغ
دان سورغ غمان فيتاملا يواد تغفل دايغ كاجه ماني
دان سورغ غمان خدكديغ مبي يواد تغفل ملاك خند
دان سورغ ايخي محمد دان ايخي مباد وودول غمنه تانه موار

Pen Translation

[Handwritten signature]

Tawaran Penangkapan Datuk Dol Said

PELEKAT

Memberitahu kepada segala orang barang
siapa menangkap Dol Sa'aid yang lari
dari Naning itu boleh mendapat kurnia
dari Company dua ribu ringgit besar
adanya.

Melaka 24hb, Julai 1832.

T. Tangan: ?

Sumber : Malacca Police Department , Arkib Negera Malaysia,
Kuala Lumpur, 1832.

LAMPIRAN : F (i)Pengistiharan supaya Sungai-sungai Linggi, Kesang dan Muar ditutupP E L E K A T

Bahawa adalah tanah Naning itu yang ada derhaka kepada governmen Inggeris adapun tatkala dahulu penghulunya serta keempat sukunya bersumpah bersetia di bawah pemerintah government itu maka adalah sekarang kerap kali khabar sampai kepada kita menyatakan terlalu amat banyak ketelalungan iaitu orang-orang dan senjata-senjata dan ubat peluru dari raja-raja dan penghulu-penghulu yang selama ini pada kira kita ada bersahabat dengan governmen Inggeris Shahadan adalah governmen Inggeris yang telah sudah menyatakan kepada raja-raja dan penghulu-penghulu akan melarangkan di atas anak buah dan rakyat itu jangan ia masuk di dalam pekerjaan Dol Said yang derhaka itu tetapi di dalam padaitu ada juga ketelalungannya ... Maka dari sebab ketelalungan kepada Dol Said derhaka itu maka adalah surat-surat dikirimkan kepada raja-raja dan penghulu-penghulu akan hendak dikawal sungai-sungai iaitu Linggi dan Kesang dan Muar sampai terlepas ketelalungan kepada derhaka Dol Said itu dan tanah Naning itu boleh menjadi kesempurnaan .

Bahawa inilah berita kepada segala orang maka adalah sungai Linggi dan Kesang dan Muar ada terkawal kepada waktu ini tiada boleh orang masuk dan keluar dari sungai-sungai sampai habis pekerjaan Naning itu dan orang-orang dan harta benda sekeliannya itu boleh menjadi kesempurnaan dan kesejahteraannya.

Terkarang kepada sembilan haribulan Jun tarikh 1832.

Tanda Tangan :

?

Sumber : Malacca Police Department, Arkib Negara Malaysia,
Kuala Lumpur, 9hb. Jun, 1832

LAMPIRAN : F (ii)

Pengistiharan supaya Sungai-Sungai Linggi, Kesang
dan Muar ditutup kepada lalu lintas.

9 Jun, 1832 : Government Proclamation

Complaining that in spite of protest addressed to various rulers and chiefs assistance continued to be given by neighbouring States in the shape of man, arms and ammunition , to Naning , which was in rebellion against the Government in breach of the oath of allegiance of its Penghulu and Sukus ; stating that latters had been sent to various rulers and chief announcing the intention to blocked the Linggi, Kesang and Muar rivers untill such time as such such assistance ceased to be given to the rebbilious Dol Said and Naning had become settled ; and accordingly proclaiming the atorementioned blocked, to prevent anyone from entering or leaving by the said river , untill such time as aforsaid.

Sumber : C.O. Blagden , 'Appendix : Malay Documents Relating to Naning War', dalam JMBRAS, Vol. III, Part II, November, 1925.

LAMPIRAN H

Surat dari Pegawai Daerah Alor Gajah kepada Demang Naning
Dan Demang Alor Gajah.

R.C

Kepada Demang Naning dan Demang Alor Gajah.

Ehwal kita maklumkan kepada Penghulu, adalah hukum daripada Tuan Besar Melaka telah menyuruhkan kerani melayunya (encik Mohd Jafar) akan datang naik ke darat ini hendak memeriksa dengan terangnya bagaimana adat yang biasa dipakai di sebelah darat sini " dari hal pembahagian harta pusaka si mati kepada waris nya ".

Maka sebab itu kktta pinta hendaklah Penghulu menolong sediakan satu atau dua orang tua, yang sangat faham didalam adat itu. Dan barangkali Encik Mohd Jafar itu akan tiba di rumah Penghulu (Naning) pada hari Ahad esok atau Isnin. akan menyuratkan segala adat itu, kerana Tuan Besar hendak menyediakan suatu peraturan didalam Aisr Gooh dari hal itu.

D.O. Alor Gajah

9.7.92

Sumber ; D.F.A. Harvey, Naning Customs of Inheritance, Harvey Papers, MSS SP 16/2/8, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 5hb. July, 1892.

LAMPIRAN I

Surat Residen Konsular Melaka kepada Munshi untuk mendapatkan maklumat tentang Adat Orang Melayu Naning.

FROM: R.C

DATE: 5.7.92.

Munshi to proceed to Naning to collect information regarding the Malay Custom about inheritance.

Munshi,

Boleh cuba mendapat pengetahuan dari hal orang Melayu di Melaka dan di Naning dan di mana didalam perentah Melaka fasal harta pusaka dan tanah, Saya mahu buat surat kenyataan kepada A.R dan D.Os.

2. Barangkali baik Munshi pergi menumpang sedikit hari di Naning berjumpa orang di sana yang mengganti adat itu.


3. Boleh dapat allance bagaimana adat.

5.7.92.


Sumber : D.F.A. Harvey, Naning Customs of Inheritance, Harvey Papers, MSS SP 16/2/8, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 5hb. Julai, 1892.

LAMPIRAN J


Senarai waris keturunan Datuk Naning sejak dari Penghulu Datuk Dol Said.




Sumber : Shahabudin bin Ahmad, Sejarah Naning (Dalam proses penerbitan)



Sambungan





LAMPIRAN : K

Surat William Lewis kepada Penghulu Naning bertarikh
8hb. Ogos, 1831.

Bahawa ini surat daripada kita Tuan William Lewis datang kepada
 kepada Penghulu Dol Said.

Maka inilah kita menyatakan kepada Penghulu adapun
 kedatangan kita dengan bala tentera kompeni datang ke Naning ini
 hendak menentukan dan hendak menjadikan negeri Naning ini seperti
 tempat-tempat yang ada takluk dengan Negeri Melaka

Shahadan darihal perbuatan Penghulu dari bicara tanah
 Encik Surin ini menjadi kompeni terlalu marah ke atas Penghulu
 melainkan sekarang dari perintah Naning itu, melainkan Penghulu
 boleh berhenti tiada boleh memerintah lagi.

Shahadan maka adalah kita menghantar sebuah pelekak
 daripada Tuan Besar yang memerintah tiga buah negeri Pulau
 Pinang dan Singapura dan Melaka melainkan Penghulu boleh lihat
 bagaimana yang ada tersebut di dalam pelekak itu.

Maka sekarang kita hendak seketika ini jua seorang
 Penghulu turun ke Melaka dan jikalau tiada Penghulu datang
 bertemu dengan kita di jalan esok hari melainkan pada fikiran
 kita Penghulu hendak melawan perintah Kompeni.


Shahadan di dalam itu jikalau Penghulu datang bertemu
 itu melainkan dengan Empat Suku sahaja tiada dengan bersenjata.

Jikalau ada lebih dari lima orang itu tak dapat tiada
 melainkan dengan seketika itu jua dibedil kepada orang-orang
 yang berkumpul itu bahawa sesungguhnya kita menyatakan kepada
 Penghulu jikalau Penghulu dengan Empat Suku itu datang kepada kita
 menyerahkan diri melainkan nyawa dan badan Penghulu itu di atas
 kita akan menanggungnya bahawa inilah kita nyatakan adanya.

Terkarang kepada delapan haribulan Ogos, 1831.

Sumber: C.O. Blagden, 'Appendix : Malay Documents Relating to Naning
 War' dalam JMBRAS, Vol.III ,Part II, November, 1925.

Senarai Nama Datuk-Datuk Naning dari zaman pemerintahan Belanda di Melaka.



Sumber : Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Hikayat Abdullah, Jilid 2, (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1963) ; Shahabudin Ahmad, Sejarah Naning (Masih dalam proses penerbitan)